


**Jilid I
Bil. 6**



MALAYSIA

**Hari Selasa
2hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan [Ruangan 409]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 2hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAA'COB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N, P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAFFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS GABRIEL SELVARAJ (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
 „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
 „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Pandawan).
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
 (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
 (Kedah Tengah).
 „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
 (Kuala Kedah).
 „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
 „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN
 YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
 „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia
 TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.
 (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (PINDAAN)
 PERLEMBAGAAN

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (1hb Mach, 1971).

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):
 Tuan Yang di-Pertua, orang² China dan juga orang² India di-dalam parti Pembangkang sering menudoh bahawa Kerajaan Perikatan ada-lah sa-buah Kerajaan orang Melayu yang sa-mata² hendak menolong orang² Melayu sahaja. Tetapi sa-balek-nya orang² Melayu juga dalam parti Pembangkang saperti P.M.I.P. pula menudoh bahawa Kerajaan Perikatan ini ada-lah sa-buah Kerajaan yang sama sa-kali tidak menolong orang Melayu, tetapi sa-balek-nya hendak mengkayakan lagi orang China di-dalam negeri ini. Mana satu-kah di-antara dua

pandangan ini yang betul? Jawapan-nya kedua²nya salah. Kerajaan Perikatan daripada semenjak 15 tahun dahulu lagi ada-lah berusaha sa-tiap masa untuk kepentingan semua ra'ayat dengan tidak mengira asal keturunan masing² lebeh² lagi usaha menolong bagi mereka yang tidak berada.

Di-dalam Dewan ini wakil D.A.P. dari Bungsar telah menyatakan harapan-nya supaya satu hari kelak lebeh ramai orang² Melayu akan dapat menjadi doktor, engineers, saintis dan sa-bagai-nya lagi. Sunggoh sedap kita mendengar ucapan yang begitu rupa, tetapi malang sa-kali orang² ini-lah yang telah menghentam Kerajaan dengan berhabisan² dalam pilehan raya yang lalu terutama sa-kali menyelar kerja² yang dibuat oleh Majlis Amanah Ra'ayat atau MARA dalam usaha hendak menolong orang Melayu yang miskin itu. Saya tidak tahu apa-kah yang menyebabkan mereka itu berchakap dengan dua lidah, berlainan di antara ucapan yang di-keluarkan di-luar Dewan dengan ucapan di-dalam Dewan ini. Apa-kah ini satu perubahan baharu telah timbul kepada mereka. Saya berharap mereka sa-benar²-nya jujur dengan apa yang di-sebutkan di-dalam Dewan ini.

Bagitu juga wakil daripada Menglembu mengatakan tidak perlu Perlembagaan di-pinda kerana Clause 153 dalam Perlembagaan telah chukup memberi peluang kepada Kerajaan bagi menolong orang² Melayu dan sa-terus-nya beliau mendatangkan soalan² mengapa sa-lama ini Clause itu tidak di-laksanakan. Ini juga sunggoh sedap kita mendengar-nya, tetapi tidak lupa dan kita maseh ingat daripada semenjak mula² lagi parti ini yang telah bekerja keras menentang dan hendak menghapuskan Clause 153—Hak Istimewa Orang Melayu daripada Perlembagaan.

Bagitu juga wakil dari Batu telah menengahkan tentang kemiskinan orang² Melayu di-mana beliau telah menyebut hanya sagelintir sahaja anak² Melayu yang dapat peluang belajar ka-sekolah tinggi dan lantas mengecham Kerajaan tidak mengambil langkah yang tegas sa-hingga pada hari ini pun ramai kanak² orang Melayu yang pergi ka-sekolah dengan berkaki ayam dan tidak mempunyai buku² yang chukup.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya ketiga² parti Pembangkang ini telah berchakap dengan satu nada yang lain daripada yang

pernah di-ucapkan-nya di-luar Dewan ini dan saya menchabar ketiga² mereka itu supaya belek ka-kawasan masing² dan memberikan kenyataan yang jelas tentang hasrat mereka, tentang kemiskinan orang Melayu dan chita² mereka hendak menolong Kerajaan membaiki keadaan yang burok itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak memperkatakan soal hendak menubuhkan satu bangsa Malaysia yang bersatu dalam negeri ini.

Yang sa-benar-nya, satu bangsa Malaya, atau pun bangsa Malaysia telah pun lahir di-negeri ini bersama² dengan lahir-nya kemerdekaan politik pada 31hb Ogos, 1957 yang lalu.

Tidak ada sa-buah negeri dalam dunia ini yang boleh menchapai taraf kemerdekaan melainkan mesti-lah ada satu kumpulan manusia yang berhak di-atas negara itu. Perlembagaan Malaysia telah pun menentukan siapa-kah di-antara penduduk² negeri ini yang berhak menjadi ra'ayat yang berkuasa memerintah negeri ini.

Walau pun telah lahir satu bangsa Malaysia di-negeri ini mengikut sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Perlembagaan, tetapi apa yang maseh belum dapat di-wujudkan lagi, ia-lah satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu di-mana sa-tiap orang itu dapat melupakan asal keturunan-nya masing². Soal ini-lah yang menjadi perkara yang paling rumit yang telah kita hadapi semenjak terchapai-nya kemerdekaan dan mungkin akan menjadi masaalah terus-menerus sa-hingga beberapa lama yang akan datang, yang boleh menjadikan bahaya yang besar jika tidak di-bendong dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Sa-lama beberapa hari ini kita telah mendengar ucapan dari Parti Pembangkang dalam Dewan ini, tetapi tidak ada sa-buah pun parti Pembangkang yang telah dapat menunjukkan kepada kita chara bagaimanakah yang sa-baik²-nya fahaman perkauman itu dapat di-kikis sama sa-kali daripada tanah ayer kita ini. Walau pun bukan semua ra'ayat menyokong Kerajaan Perikatan, tetapi Kerajaan Perikatan ada-lah Kerajaan yang telah menchuba dengan jalan² yang sa-baik²-nya yang boleh di-ikuti oleh ra'ayat negeri ini jika kita hendak menyampaikan chita² bagi mengujudkan satu Malaysia yang bersatu itu.

Hak istimewa yang di-berikan kepada orang Melayu itu tidak sa-kali² merupakan bahawa orang Melayu menjadi bangsa kelas satu di-dalam negeri ini. Sa-tiap orang ra'ayat ada-lah mempunyai hak yang sama. Hak istimewa ini akan di-gunakan ada-lah sa-mata² untuk menolong supaya dapat orang² Melayu mengambil bahagian yang lebih banyak dalam lapangan perniagaan dan perusahaan sa-mata².

Dalam soal ini saya suka menasihatkan kepada orang² Melayu supaya menyedari bahawa orang² yang bukan Melayu yang tinggal di-Malaysia sekarang akan terus kekal tinggal di-sini untuk sa-lama²-nya dan mereka tentu-lah tidak akan berdiam diri jika hendak di-usir, atau pun hak mereka itu hendak di-noda².

Kapada orang² bukan Melayu saya suka mengingatkan bahawa orang² Melayu pula tidak akan berdiam diri melihatkan nasib mereka dalam lapangan ekonomi sentiasa terchichir kebelakang sa-lama²-nya. Jalan yang sa-baik² untuk mengatasi masa hadapan kita ia-lah satu sahaja, ia-itu orang² Melayu hendak-iah menganggap orang² China dan India itu bukan-nya lagi sa-bagai orang dagang di-negeri ini, tetapi menganggap mereka sa-bagai ra'ayat negeri ini dan bagi pehak orang China dan India pula hendak-lah memberi kerjasama-nya sama ada dengan pertolongan mereka sendiri, atau pun monyokong ranchangan² Kerajaan supaya membolehkan orang² Melayu dapat berdiri sama tinggi dengan orang² yang bukan Melayu.

Saya berharap bahawa pada suatu hari kelak hak istimewa orang² Melayu yang terchatet dalam Perlembagaan itu hanya akan menjadi satu kenangan² sejarah sahaja kapada negeri ini dan tidak akan menjadi persoalan politik lagi dan ini hanya akan dapat di-chapai apabila kedudukan ekonomi orang² Melayu itu telah dapat di-samakan dengan orang² yang bukan Melayu dan pada waktu itu-lah baharu selesai kerja kita melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu seperti yang saya sebutkan di-atas tadi dalam arti kata yang sa-benar²-nya di-mana sa-tiap orang dalam negeri ini akan dapat melupakan asal keturunan-nya masing².

Tuan Yang di-Pertua, walau pun telah banyak ranchangan² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan sa-lama ini untuk menolong orang² Melayu dalam perdagangan dan perusahaan, tetapi hasil-nya belum-lah dapat di-

chapai dengan sa-penoh²-nya, kerana dasar Kerajaan di-samping memajukan orang² Melayu tidak pula sa-kali² hendak menahan, atau pun menyekat kemajuan bangsa² asing.

Saya tidak hendak menghuraikan satu-persatu tentang ranchangan² Kerajaan yang telah di-jalankan bagi menolong orang² Melayu itu. kerana saya perchaya peluang itu akan dapat di-binchangkan apabila membahathkan Uchapan Titah di-Raja kelak, tetapi saya suka menyebutkan dalam tempoh 13 tahun semenjak terchapai-nya kemerdekaan bangsa yang bukan Melayu bukan-nya bertambah mundor, tetapi sa-balek-nya telah menchapai kejayaan yang berlipat kali ganda jika di-bandingkan dengan tempoh 100 tahun di-bawah pemerintahan penjajahan dahulu.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama, saya suka menyebutkan di-sini sa-bagai chontoh-nya kerja² borongan yang telah di-keluarkan di-negeri ini berharga lebih kurang \$500 juta. Orang² Melayu hanya dapat mengambil bahagian sa-banyak 1% sahaja. Saya tidak mengatakan bahawa kerja borongan yang baki itu di-bolot oleh bangsa China dan India sa-mata² kerana sa-bahagian daripada-nya telah di-dapati juga oleh saudagar² yang datang dari luar negeri, tetapi tidak ada siapa pun yang boleh menafikan bahawa kerja² borongan yang di-dapati oleh sahabat² kita orang² China dan India sudah tentu berpuluh kali ganda lebih daripada yang di-perolehi oleh orang² Melayu itu sendiri.

Dalam lapangan pengeluaran permit teksi boleh di-katakan orang² Melayu berpuas hati kerana 50% jumlah teksi di-negeri ini telah di-mileki oleh orang² Melayu semenjak di-jalankan dasar hendak membahagikan sama rata pengeluaran permit tersebut.

Tetapi dalam perkhidmatan bas dan lori orang Melayu hanya dapat mengambil bahagian lebih kurang 20% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, maka dengan sebab itu-lah Article 153 dalam Perlembagaan terpaksa di-ujudkan bagi membolehkan Kerajaan memberikan pertolongan yang khas kapada orang² Melayu untuk membaiki keadaan-nya yang serba kekurangan itu.

Majlis Amanah Ra'ayat atau pun MARA ada-lah memikul sa-bahagian daripada tanggung-jawab bagi melaksanakan Article 153 dalam Perlembagaan itu. Saya suka menjelaskan di-sini untuk memberi fahaman

kapada orang² China dan India, bahawa tujuan MARA bukan-nya hendak menjadikan orang² Melayu itu kaya-raya seperti yang di-fikirkan oleh orang yang bukan Melayu sa-lama ini, tetapi MARA ada-lah bertujuan sa-mata² hendak mendorong, atau menggalakkan supaya lebih ramai bilangan orang² Melayu dapat mengambil bahagian dalam perdagangan dan perindustrian.

Wang yang di-keluarkan oleh MARA kerana membantu ahli² perniagaan Melayu bukan-nya satu pemberian perchuma atau pun grant kapada mereka tetapi ia-lah pinjaman atau loan di-mana pinjaman² itu mesti-lah di-bayar balek dengan mengenakan interest, dan mereka juga di-kehendaki mengadakan chagaran² di-atas pinjaman² tersebut.

Saya ingin bertanya kapada banker yang terdiri daripada orang China, India dan orang bukan Melayu yang lain yang mempunyai hampir² 40 buah bank dengan beratus² buah chawangan-nya di-merata² negeri ini sama ada mereka boleh memberi pinjaman wang kapada orang Melayu dengan meletakkan tanah²-nya yang di-dalam kawasan Khas Melayu atau pun Malay Reservation, atau pun di-chagarkan rumah² kayu-nya untuk mendapatkan pinjaman daripada bank² tersebut.

Bank² biasa atau Commercial Bank tidak mahu menerima tanah² Malay Reservation untuk jadi chagaran pada hal 90% tanah² yang di-miliki oleh orang² Melayu ia-lah tanah² dalam kawasan Malay Reservation. Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, di-mana-kah tempat-nya yang orang² Melayu itu boleh meminjam wang untuk menjalankan perniagaan-nya? Oleh sebab mereka tidak dapat menchagarkan tanah²-nya kapada bank biasa, atau commercial bank, maka sebab itu-lah Kerajaan telah menubuhkan MARA supaya dapat menerima tanah² mereka itu sa-bagai chagaran. Jika sa-kira-nya commercial bank boleh menerima tanah Malay Reservation sa-bagai chagaran, maka Bahagian Pinjaman MARA boleh di-hapuskan sekarang juga dan tidak perlu di-adakan lagi.

Bukan sahaja dalam perniagaan bahkan di-dalam bahagian latehan pun wang² yang di-belanjakan untuk memberi latehan kapada pemuda-pemudi Melayu ada-lah juga sa-bagai loan atau pinjaman juga. Penuntut² yang dapat biasiswa MARA terpaksa mem-

bayar balek apabila mereka telah lulus daripada universiti. Penuntut² dalam I.T.M. juga yang mempunyai kemampuan ada-lah diminta membayar perbelanjaan sa-waktu mereka menuntut di-Maktab tersebut.

Walau pun MARA bertujuan untuk menolong meramaikan lagi orang Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan, tetapi sa-bahagian besar projek² yang di-lancharkan oleh MARA ada-lah juga memberi faedah kapada orang yang bukan Melayu. Boleh di-katakan hampir² semua kilang² yang di-dirikan oleh MARA ada-lah di-bena oleh kontrektor² bangsa China.

Di-antara \$14 juta nilai harga bangunan yang telah di-dirikan oleh MARA hampir² 80% daripada kerja² itu ada-lah di-buat oleh pemborong² bangsa China.

Sa-lain daripada itu MARA juga ada mengeluarkan biasiswa kapada orang² China dan India yang miskin yang sa-rupa nasib-nya seperti orang² Melayu. Sa-hingga ini lebih kurang 70 orang anak² bukan bumi-putra telah dapat pinjaman, atau pun biasiswa daripada MARA sa-chara langsung. Kekurangan orang² Melayu di-dalam bidang professional sangat-lah jelas. Mithal-nya di-bidang kedokteran dan kejuruteraan sahaja di-antara 1,045 orang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai doktor dan jurutera, maka di-dapati orang² Melayu hanya sa-ramai 96 orang sahaja. Ini tidak termasuk jurutera² atau doktor yang berkerja dengan pehak swasta. Tudohan sa-tengah² pehak yang mengatakan bahawa MARA menolong sa-gelintir orang Melayu itu ada-lah tidak benar sama sa-kali seperti tuduhan yang selalu di-bangkitkan oleh pehak² Pembangkang. Pada masa yang akan datang jika pehak Pembangkang chuba lagi membangkitkan soal itu, saya berasa sangat sukachita jika mereka dapat menunjukkan kapada saya, atau pun kapada Kerajaan, tuduhan² mereka itu di-buat dengan alasan yang benar dengan menunjukkan siapa²-kah di-antara mereka yang kaya-raya itu yang telah mendapat faedah daripada kerja² MARA sa-lama ini.

Dalam tempoh 10 tahun orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, baharu dapat meminjam wang daripada MARA lebih kurang \$70 juta sahaja, tetapi sa-balek-nya M.I.D.F. telah meluluskan 494 pinjaman berjumlah \$205,195,000 di-antara-nya \$115,882,000 telah pun di-keluarkan chuma dalam tempoh lima

tahun sahaja. Kebanyakan daripada peminjam² ini ada-lah terdiri daripada sahabat² kita orang² yang bukan Melayu terutama-nya orang China. Kalau kita siasat pinjaman² daripada Commercial Bank termasuk Bank Bumiputra sendiri, maka ta' dapat tidak ra'ayat negeri ini akan terkejut melihatkan bagaimana-kah besar-nya perniagaan orang² China dan India itu jika di-bandingkan dengan perniagaan orang² Melayu yang semata² hanya dapat meminjam daripada satu punga sahaja.

Orang² Melayu tidak merasa iri hati di atas kejayaan yang di-chapai oleh orang² China dan India. Apa yang di-kehendaki oleh orang Melayu hanya mengharapkan supaya orang² Melayu juga dapat mengambil bahagian seperti sahabat² saya orang² China dan India itu. Mithal-nya bilangan kontraktor² semua kelas yang berdaftar di Kementerian Kerja Raya dan di-Pejabat Kerja Raya Negeri semua-nya berjumlah 5,510 orang dan di-antara-nya 3,823 orang terdiri daripada orang yang bukan Melayu.

Saya suka menjelaskan detail sedikit jumlah bilangan kontraktor yang besar di-negeri ini, ia-itu kontraktor Kelas "A" berjumlah 144 orang di-dapati hanya 9 orang sahaja bangsa Melayu.

Kontraktor Kelas "B" berjumlah 42 dan orang Melayu hanya 6 sahaja.

Kontraktor B.X. berjumlah 101 dan orang Melayu hanya 3 atau 4 orang sahaja.

Bagitu juga kontraktor "C" 291 orang. Kontraktor Melayu hanya 17 dan orang yang bukan Melayu 274 orang.

Sa-lain daripada itu saya suka juga menyebutkan dalam perindustrian yang lain umpama-nya perindustrian perkayuan dalam negeri ini. Di-dapati pada hari ini daripada 453 jumlah kilang² kayu yang ada dalam negeri ini kepunyaan orang² Melayu hanya 51 buah sahaja.

Dalam perlombongan di-dapati ada 1,059 buah lombong dan lombong yang di-jalankan oleh orang Melayu hanya 70 buah sahaja, itu pun lombong yang kecil² belaka.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang di-buat lebih kurang 1,900,000 unit saham ada-lah sedang di-perdagangkan di-pasaran saham Malaysia

dan Singapura pada hari ini. Di-antara 1,900,000 unit itu saham² yang di-miliki oleh orang Melayu hanya di-antara 5% hingga 8% sahaja.

Bagitu juga dalam perniagaan hotel di-Malaysia Barat daripada 67 buah hotel yang mengandungi hampir² 3,460 buah bilek yang mempunyai taraf perlanjangan yang baik tidak ada satu pun yang di-usahakan oleh orang² Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat dukachita dalam pilihan raya tahun 1969 yang lalu, parti Pembangkang telah menjadikan Majlis Amanah Ra'ayat sa-bagai modal-nya yang besar untuk menunjukkan kepada pengundi² China dan India bahawa Majlis Amanah Ra'ayat ini ada-lah satu badan yang hendak merampas perniagaan orang China dan India di-dalam negeri ini. Saya suka menyatakan di-sini bahawa MARA ada-lah menjalankan dasar pintu terbuka. Segala projek yang di-lancarkan semua-nya ada-lah di-umumkan kepada orang ramai, kerana wang yang di-belanjakan itu ia-lah wang yang datang daripada Perbendaharaan Kerajaan dan Ahli² Dewan Ra'ayat ini ada-lah berhak menyoal sa-tiap sen dan sa-tiap ringgit wang yang di-belanjakan oleh MARA di-dalam Dewan ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka juga menyebutkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menjadi sasaran hibat parti Pembangkang juga dengan menuduh Kementerian ini hanya semata² untuk menolong orang Melayu sahaja.

Suka saya menyebutkan di-sini pembangunan luar bandar tidak-lah sa-kali² terhadap faedah-nya kepada satu bangsa sahaja, tetapi ada-lah di-nekmati oleh semua ra'ayat yang tinggal di-dalam bandar termasuk-lah juga orang² China dan India. Ada lebih kurang sa-banyak 2½ juta orang² China dan India yang tinggal di-luar bandar dudok bersama² dengan orang Melayu ada-lah juga mendapat nikmat daripada ranchangan luar bandar yang di-lancarkan oleh Kerajaan. Bahkan ranchangan² yang di-jalankan di-luar bandar memberikan keuntungan yang besar juga kepada orang² yang bukan Melayu, kerana mereka-lah yang menjadi pemborong² bagi membuat projek² tersebut, kerana belum ramai lagi jumlah orang Melayu yang mempunyai kebolehan menjalankan kerja² seperti itu.

Satu bukti yang jelas yang boleh saya tunjukkan ia-lah pembenaan bangunan² yang di-jalankan oleh MARA sa-lama ini.

Semenjak tahun 1968 MARA telah membelanjakan \$2,932,424 untuk mendirikan bangunan² perniagaan. Sa-ramai 23 orang pemborong² Melayu yang mendapat kerja berharga \$727,000 sahaja sedangkan kerja² yang baki-nya yang berjumlah hampir² \$2 juta di-dapati oleh sa-belas orang pemborong China di-negeri ini. Ini menunjukkan bahawa ranchangan luar bandar yang di-jalankan oleh Kerajaan bukan-nya memberi keuntungan kepada satu pihak, tetapi memberi keuntungan kepada semua ra'ayat dalam negeri ini.

Orang² China dan India juga ada-lah di-beri peluang mengambil bahagian dalam ranchangan tanah, tetapi malang-nya terlalu sedikit orang² China yang mahu mengambil bahagian dalam Ranchangan Tanah L.K.T.P. Mungkin orang China menganggap bahawa keuntungan yang di-perolehi daripada Ranchangan L.K.T.P. terlalu sedikit bagi mereka. Hanya kira² 5% sahaja orang China yang mahu menyertai ranchangan ini, tetapi sa-balek-nya orang Melayu telah berlumba² memasuki ranchangan ini kerana kedudukan mereka di-kampung² ada-lah sangat mendesak sa-kali.

Dalam membahathkan Uchapan Titah di-Raja kelak boleh di-perbincangkan lebih panjang lebar lagi masalah mengenai pembukaan tanah dan apa sebab-nya yang mereka ini terlalu sedikit mengambil bahagian.

Sa-tengah² parti Pembangkang menda'awa hendak menjadi juara kepada orang² miskin di-dalam negeri ini dan sa-tengah-nya menda'awa diri-nya sa-bagai sa-buah parti sosialis, tetapi dalam pilihan raya 1969 yang lalu saya suka menunjukkan satu contoh mereka telah memutar-belitkan ranchangan² Kerajaan yang hendak menolong orang miskin, umpama-nya ranchangan FAMA hendak menolong nelayan² yang miskin di-negeri ini. Ada-kah patut sa-kali ikan yang berharga 35 sen yang di-jual di-bandar Kuala Lumpur hanya di-perolehi sa-banyak 5 sen sahaja oleh penangkap² ikan yang menyabongkan nyawa-nya di-lautan lepas pada tiap² hari.

Pemasaran ikan yang di-chadangkan oleh FAMA itu tidak bermaksud sama sa-kali hendak menolong satu bangsa sahaja kerana 45% penangkap² ikan dalam negeri ini terdiri

daripada orang² China. Tetapi parti² Pembangkang terutama DAP telah mengambil kesempatan memutar-belitkan soal ini dengan mengatakan kepada pengundi² China bahawa ranchangan FAMA ini ia-lah satu ranchangan orang Melayu hendak merampas perniagaan² daripada orang² China. Saya berharap mereka ini insaf dan tidak akan berbuat seperti itu lagi pada masa yang akan datang, kerana tujuan Kerajaan yang baik ini ada-lah hendak menolong ra'ayat yang miskin dan bukan-nya hendak menolong satu² bangsa seperti yang saya jelaskan sa-bentar tadi.

Satu contoh lagi pihak Pembangkang telah menuduh Kerajaan konon-nya menambatkan Pasokan² Ashkar dan Polis dengan mengambil hanya pemuda² bangsa Melayu sahaja. Di-dalam pilihan raya yang telah berlangsung pada tahun 1964 dan juga tahun 1969 parti² tersebut itu juga-lah yang telah menakut²kan orang China di-dalam New Villages dengan mengatakan bahawa mengundi Parti Perikatan berma'ana mereka membunuh anak muda mereka sendiri, kerana Kerajaan Perikatan akan memaksa anak² mereka menjadi ashkar untuk di-hantar berjuang ka-Sarawak dan Sabah.

Bagaimana-kah pendirian dolak-dalek parti Pembangkang ini. Ini tentu-lah dapat di-selami, atau pun ra'ayat sendiri akan menjadi hakim sama ada mereka itu jujur dalam ucapan-nya, dalam pendirian-nya atau pun tidak.

Pindaan Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah dapat menjamin hendak menghapuskan sama sa-kali semangat perkauman, tidak ada Undang² yang boleh digubal yang boleh menghapuskan sama sa-kali semangat perkauman. Tujuan Pindaan Perlembagaan ini hanya sa-mata² hendak mengurangkan sa-banyak² yang boleh semangat perkauman daripada dapat berkembang dengan berleluasan yang akan menimbulkan bahaya yang burok. Maka dengan sebab itu usaha menyamakan kedudukan ekonomi semua bangsa dalam negeri ini ada-lah merupakan satu syarat mutlak bagi kema'moran Malaysia yang akan datang dan hal ini ada-lah satu perkara yang tidak boleh di-tolak ansorkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini juga ada Ahli Yang Berhormat menandatangani supaya parti² politik yang berbau perkauman seperti UMNO, M.C.A. dan M.I.C. hendak-lah di-bubarkan dan di-gantikan

dengan sa-buah parti baharu di-mana ahli²-nya terdiri dari semua bangsa. Tuan Yang di-Pertua, membubarkan parti² tersebut memang-lah mudah sa-kali, tetapi siapa-kah yang boleh menahan ahli² daripada parti tersebut untuk menubuhkan sa-mula parti² yang berchorak Melayu, atau yang berchorak China, atau yang berchorak India saperti yang ada sekarang ini juga.

Jika ra'ayat di-paksa memasoki sa-suatu parti, maka itu ada-lah bertentangan dengan prinsip² demokrasi. Ra'ayat tidak boleh di-paksa dengan Undang² untuk menjadi ahli mana² parti jua pun. Ra'ayat harus di-beri kebebasan memilih fahaman politik-nya masing².

Parti² yang telah menchuba membukakan pintu-nya kepada semua bangsa belum lagi dapat menunjokkan kejayaan bahkan parti² tersebut maseh lagi merupakan sa-buah parti yang di-dokong oleh satu kaum sahaja.

Dalam Dewan ini Parti Perikatan boleh berbangga. Jka tuan² lihat di-sabelah kiri kami, mempunyai Ahli² terdiri dari berbagai² bangsa. Bukan sahaja Melayu, China, dan India, tetapi juga orang² Kadazan, orang Iban, orang Murut, orang Kenyah dan sabagai nya, yang datang daripada negeri Sarawak. Maka dalam soal ini pun nyata-lah apa yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan atau Parti Perikatan ada-lah jauh lebeh baik daripada apa yang telah dapat di-chapai oleh parti² Pembangkang di-sabelah sana itu.

Saya sendiri merasa sukachita bahkan ada-lah menjadi impian saya sendiri untuk melihat satu hari kelak bahawa semua parti politik dalam negeri ini akan di-anggotai oleh semua bangsa dan tidak saperti yang berlaku pada hari ini. Tetapi hal ini hanya dapat di-chapai dengan satu syarat yang terpenting ia-itu kedudukan ekonomi yang tidak sa-imbang di-antara kaum mesti di-hapuskan lebeh dahulu.

Orang² Melayu baharu sahaja hendak mula memasoki dalam perniagaan dan perusahaan sedangkan orang² China dan India boleh dikatakan telah memenohi semua lapangan² perniagaan dalam semua peringkat di-negeri ini dan jika sa-kira-nya orang² China dan India tidak mahu memberikan kerjasama yang sa-patut-nya kepada orang² Melayu untuk mengambil bahagian bersama² dalam perniagaan, maka tidak dapat perselisihan perkauman akan berpanjangan di-negeri ini, dan akan menjadikan bahaya kepada semua pehak.

Segala ranchangan Negara dan Luar Bandar yang saya laksanakan sekarang ini bukan-lah satu ranchangan mengikut kehendak saya sa-mata², tetapi ada-lah ranchangan yang di-jalankan sa-telah di-luluskan oleh Kabinet yang mengandongi Menteri² daripada berbagai² bangsa dan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat yang juga terdiri daripada berbagai² bangsa dalam negeri ini. Di-sini nyata-lah bahawa ranchangan itu ada-lah memberi faedah kepada semua pehak dan bukan-nya kepada satu pehak saperti yang di-tuduh oleh pehak² Pembangkang terutama dalam kempen² pilehanraya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, siapa pun tidak boleh menafikan bahawa penduduk² luar bandar ada-lah jauh lebeh miskin daripada penduduk dalam bandar, tetapi sa-balek-nya tidak ada siapa juga yang boleh menafikan bahawa kemiskinan bukan-nya ada di-kalangan orang² Melayu sahaja, tetapi kemiskinan juga wujud di-kalangan orang² China dan juga orang² India, atau lain² bumiputra di-Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu Kerajaan ada-lah bertujuan untuk menolong semua pehak yang tidak berada dengan tidak mengira asal keturunan mereka masing².

Segala usaha yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan daripada semenjak tertubohnya Perikatan 20 tahun yang lalu semua-nya menuju kepada satu matlamat untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu dalam erti kata yang sa-benar-nya, tetapi malang-nya peristiwa 13 Mei telah terchetus dan telah terjadi sa-belum chita² yang baik itu terlaksana. Tetapi walau bagaimana pun Kerajaan Perikatan tidak akan berputus asa dan akan meneruskan kerja² baik-nya itu sa-lagi di-kehendaki oleh ra'ayat sa-hingga terchapai tujuan itu dengan sa-penoh²-nya.

Orang² China menaruh perasaan bimbang tentang kedudukan ekonomi mereka pada masa yang akan datang. Kapada orang China, saya juga memberitahu bahawa orang² Melayu juga menaruh perasaan lebeh bimbang bukan sahaja mereka bimbang tidak dapat menyayangi sahabat²-nya orang China dan India, tetapi mereka merasa lebeh bimbang apa yang ada di-tangan mereka sekarang ini juga akan terlepas daripada-nya. Hanya dengan memberikan peluang kepada semua pehak mendapat pembahagian rezeki yang adil sahaja yang dapat menghilangkan kebimbangan kedua² belah pehak itu.

Saya menyeru parti² politik di-dalam negeri ini supaya lebih mementingkan soal negara dan soal keselamatan ra'ayat daripada menimbulkan persengketaan sa-mata² untuk memenangi beberapa kerusi di-dalam pilihan² raya.

Kerajaan Perikatan tidak memperhetongkan soal kalah, atau menang-nya pilihanraya yang akan datang tetapi kami lebih mementingkan soal keselamatan negara dan ra'ayat kerana ini-lah menjadi anak kunci keselamatan chuhu-chichit kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar daripada sebab berbangkit-nya kekachauan perkauman di-negeri ini ia-lah kerana adanya parti² politik yang mendapat arahan daripada luar negeri dan mereka itu tidak bertindak mengikut suasana politik, atau pun keadaan² yang ada di-dalam negeri ini sendiri. Perbuatan ini merbahaya sa-kali dan mesti di-berhentikan dengan serta-merta. Jika berbangkit kekachauan dan kehanchoran ekonomi di-Malaysia, maka ia-nya akan melibatkan juga kejatohan ekonomi negeri² yang berhampiran dengan-nya.

Malaysia sedia bersahabat dengan mana² jua negeri dalam dunia ini tetapi Malaysia tidak akan berdiam diri berpelok tuboh melihat sahaja perbuatan sa-tengah² negeri luar yang hendak menghanchorkan negeri ini.

Pada fikiran saya persahabatan di-antara negeri² yang berjiran ada-lah lebih menguntungkan kerana ia-nya akan dapat menolong berjuta² ra'ayat dalam negeri masing² di-dalam kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan orang² yang bukan Melayu supaya di-hapuskan Clause 153, mengenai Hak Istimewa Orang Melayu itu ada-lah sa-rupa keadaan-nya dengan tuntutan sa-tengah² orang Melayu supaya di-tarek balek kera'ayatan yang telah di-berikan kapada mereka. Jika sa-kira-nya orang² yang bukan Melayu mahu meluchutkan hak kera'ayatan-nya semua, saya per-chaya orang² Melayu juga mahu meluchutkan Clause 153 itu daripada Perlembagaan, tetapi saya tidak fikir sa-orang pun yang mahu berbuat saperti itu. Maka jalan yang sa-baik²-nya ia-lah dengan bekerjasama untuk melahirkan satu masharakat yang adil di-mana tiap² bahagian ra'ayat negeri ini mendapat rezeki yang adil sahaja jalan yang sebaik²-nya bagi menchapai kejayaan dan keselamatan negara yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya menamatkan ucapan saya ini sa-panjang yang mengenai Kerajaan Perikatan, Clause 153 dalam Perlembagaan itu akan di-amalkan bukan-nya untuk menindas orang² bukan Melayu, tetapi ada-lah tujuan yang baik bagi melahirkan satu bangsa bersatu dengan menyamakan kedudukan ekonomi di-antara semua bangsa di-dalam negeri ini. Usaha untuk menolong memajukan ekonomi orang Melayu supaya sama dengan orang China dan India akan mengambil masa yang lama, sa-kurang²-nya di-antara 20 hingga 30 tahun. Ini ada-lah merupakan satu tempoh yang keritikal, satu tempoh yang sangat bergolak di-Malaysia dan jika sa-kira-nya kita tidak berhati², maka kejadian atau Peristiwa 13 Mei akan meletus lagi dan akan menghanchorkan sama sa-kali negeri ini.

Saperti kata saya mula² tadi, walau pun Perlembagaan ini boleh di-pinda, tetapi itu tidak berarti sama sa-kali yang fahaman perkauman telah hapus daripada negeri ini. Mereka boleh lagi berchakap di-kedai² kopi berkenaan dengan perkauman. Jika sa-kira-nya parti Pembangkang sa-benar-nya jujur hendak melahirkan satu bangsa Malaysia bersatu, atau Malaysian Malaysia saperti yang di-sebutkan oleh parti D.A.P. itu dalam bentok yang di-ingini oleh Perikatan, oleh ra'ayat yang siuman dalam negeri ini, maka mereka hendak-lah menolong menghapuskan perchakapan² perkauman, walau pun dengan tidak sa-chara terbuka supaya fahaman perkauman itu dapat di-hapuskan sama sa-kali daripada negeri kita ini.

Parti D.A.P. menchadangkan supaya di-adakan satu Surohanjaya di-luar Dewan ini bagi mengkaji soal² Pindaan Perlembagaan dan juga soal² kemanusiaan, kemasharakatan dan juga soal perkauman di-negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, parti ini saya fikir telah lupa pendirian-nya yang telah lalu apabila parti itu telah menolak untuk menjadi ahli di-dalam N.C.C. untuk membinchangkan soal² sensitive. Mereka telah menolak tetapi sa-balek-nya mereka telah menuntut supaya Dewan Ra'ayat di-panggil bersidang segera, kerana Dewan Ra'ayat-lah satu²-nya Dewan yang sah, yang menyuarakan kehendak ra'ayat dalam negeri ini dan sekarang Dewan Ra'ayat telah bersidang. D.A.P. telah di-beri peluang untuk berchakap di-sini. D.A.P. tidak dapat membentangkan chara² bagaimana soal ini hendak di-selesaikan, sa-balek-nya D.A.P. menchadangkan supaya

perkara ini di-bawa ka-luar daripada Dewan. Ini menunjukkan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah perkauman dalam negeri ini, dan saya suka bertanya jika sa-kira-nya Surohanjaya yang di-chadangkan oleh D.A.P. itu membuat satu² chadangan dan di-bawa balek ka-dalam Dewan dan apa-kah akan jadi jika Dewan menolak chadangan mereka itu. Kalau ini berjalan terus-menerus akan memakan masa sa-ratus, atau dua ratus tahun, soal perkauman tidak dapat diselesaikan di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, parti² Pembangkang yang tinggal dua sahaja lagi yang menentang pindaan Perlembagaan, ia-itu P.P.P. dan D.A.P. Dalam Dewan ini semua-nya menyokong Hak Istimewa Orang² Melayu, kedudukan Raja², menyokong bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan sa-bagai-nya.

Kalau sa-kira-nya mereka sa-benar²-nya telah menyokong semua-nya itu, apa-kah sebab-nya mereka enggan menyokong pindaan Perlembagaan ini. Ini ada-lah terang menunjukkan bahawa sokongan yang dikatakan oleh mereka itu hanya manis di-bibir sahaja, tetapi dalam hati mereka hendak meneruskan usaha-nya menggunakan sensitive issue ini bagi mendapatkan kemenangan dalam pilihan² raya yang akan datang.

I now come, Mr Speaker, to the second reason put forward by the Government, that is the economic imbalance between the Malays and non-Malays. I fully agree, Mr Speaker, that poverty and economic imbalance is a sure source of dissatisfaction—in fact, it is one of the causes of revolutions the world over. But who in Malaysia is to be blamed for this? It was at one time the British who were blamed for all the ills. Now some do still blame them, although we have been ruled by our own elected Government for 15 years. Others blame the neo-colonialists and some, strangely enough, blame the Indians and Chinese. I say strangely enough Mr Speaker, because in all other cases it is the Governments which are blamed but not their fellow brothers and sisters. The Indians and the Chinese, Mr Speaker, Sir, never came as conquerors, or plunderers or colonisers or as protectors in disguise. They came here to work, to earn and to save. Indeed, they came at the invitation of the ruling power and with the consent of the then rulers. Some were even forced, as the Minister of Works, Posts and Telecommunications said, to come as slaves, semi-slaves and indentured labourers like my father, or as *Mui Chais* and *Sin Kekhs*. They dug the mines and produced the tin; they built the railways and manned the trains; they cleared the swamps and grew sugar and rubber; they worked in the Government and serviced the machinery; in short they toiled, they sweated and like the proverbial ant in the story of the Ant and the Grasshopper, they saved bit by bit. Some got into business, some bought land, some grew richer and richer. It is quite natural that the children of these pioneers should be in a more advantageous position than others who are less fortunate. Nevertheless, it is an undeniable fact that their presence with their accumulated capital, their know-how, and their skill and expertise is an immense asset to this country and its people. One of our neighbours tried to get rid of them and ended up in chaos. Therefore, Mr Speaker, just as I called on my non-Malay brethren to accept the special position of the Malays, I appeal to my Malay brothers and sisters to accept the fact that the poverty of the Malays is not caused by the non-Malays. At the same time, Mr Speaker, I also appeal to the Indian and Chinese friends not to lose hope and faith,

if they do not have the same exclusive access or usual access to the traditional forms of employment; for example, the Railways or the Civil Service. We all must share and share alike. We must be prepared to share if we expect others to share likewise. I also urge my Malay brothers and sisters to recognise and appreciate another fact and that is that they are not the only poor people in this country. I think one of the Ministers who spoke just now touched on that. Facts show, for example, that in the urban parts of Penang—not only in the big City of Penang but also in the small towns in the State of Penang—16% of the Chinese, 20% of the Malays and 33% of the Indo-Pakistani households or families earned less than \$1,800 per annum in 1969, i.e. \$150 per month per household for one whole family. Therefore, the poorest of the poor, Mr Speaker, are Indians and not Malays. This shows poverty knows no racial barriers. I admit that in the rural areas the position must be different, but definitely the estate workers cannot be better off than our kampong folks. In fact, the position of the estate worker is worst; once he is thrown out of employment he has no shelter and the five-foot way is his home. The new Government says, if given the chance they will abolish poverty and redress the imbalance. We hope that this Government will progressively and courageously implement policies which will benefit the people as a whole and not just the rich to get richer.

In the past the Government missed many golden opportunities. Take the case of the fragmentation of estates. I believe I am on record as having suggested to the Government to buy up estates that are being sold so that they can be sub-divided and re-sold to the people and operated on a joint co-operative basis. In fact, this was also the recommendation of a Committee for that purpose, I think, but the Government refused. In the end, it allowed profiteers and racketeers to do the same. It left the estate workers in the lurch and made our kampong people to uproot themselves, go to the jungle, clear it, plant it and wait for the trees to grow. A golden opportunity has been missed. Our people would not only have become rich owners of excellent ready-made and productive land but they would have been able to earn better wages as well as handsome profits and perhaps additional income from other spare-time

pursuits. The Government wanted to create a property owning democracy. Where is the property-owning democracy now?

Take another example of how the Government helps the rich to get richer—the question of sugar prices. In spite of the fact that sugar companies made millions in profits, the Government agreed to the increase in prices. Where is the logic of the Alliance, or is there an Alliance? The answer to this question is that the Alliance Government plays a double or treble game—they hunt with the hounds and run with the hares. The UMNO tells the Malays one thing, the MCA tells the Chinese another thing, the MIC, if it speaks at all, tells Indians they never had it better—and we had an example of that just now. But when they are together they can't say anything sensible thus creating suspicion, distrust and despair.

Recently the UMNO called for the unity of the Malays; the MCA called for the unity of the Chinese; the MIC said nothing, not even a squeak. Today they come here and tell all of us to fight for national unity. What hypocrisy! They think that all the people of Malaysia are fools. If each component of the Alliance is fighting for its own racial unity, who is really fighting for the unity of the nation? Are they leaving it to the Opposition to unite the nation—maybe, evidently so. Perhaps, Mr Speaker, there is no Alliance. The Alliance has only one Member and, that too, stolen from the Gerakan. You were right, Mr Speaker, when you stopped the Honourable Member for Bandar Melaka from using the word "Alliance." The word has no more political significance. This is also proved, Mr Speaker, in this booklet "Rajah Tempat Dudok Ahli² Dewan" the state of the parties as shown here is United Malay National Organisation 50 (I think it should be 51) Malaysian Chinese Association 13, MIC 2 and then at the very bottom, Alliance 1. (*Ketawa*) If not for the Gerakan, the Alliance would have disappeared from the political arena. (*Ketawa*) The simple conclusion from all these is that the Alliance has been fooling the people all these 15 years. Therefore, there is fear. I hope the new UMNO—Coalition Government realise that they can't fool the people all the time. You either become a socialist and serve the people or remain a capitalist and serve the capitalists, be they Indians, Chinese or Malays.

I now come to the amendment of Article 153 which seeks to reserve a reasonable proportion of places for Malays in seats of higher learning. This we support.

Paragraph 19 of the White Paper says that it is the intention of the Government to be just and fair to all communities. Intention, I submit, Mr Speaker, is a subjective matter. No one can know the intention of another; the intention of one Minister may be different from the intention of another Minister, and therefore, no one can know the intention of the Government. In fact, one eminent judge once said that only the devil can know the intention of a person. Therefore, I hope and trust that the Government will stick to what it says. Furthermore, while we support the Amendment, we would like the Government to give a categorical assurance that the present practice of compelling the university to admit every person who has got a scholarship will be scrapped. The law enabling the so-called "back door" entrance to some must be scrapped as it has become a source of favouritism and nepotism. Only the sons and relatives of those in power have benefited from this practice whereas genuinely poor and deserving Malays have been left out in the lurch and allowed to fend for themselves.

I now come to the most touchy part of the Bill and that is the restrictions in freedom of speech. The Honourable Member, my good friend, for Batu, has fought very hard against this. I agree that some people are more sensitive than others. I agree that some people, like me, are more excitable than others. I know that the Malay, as pointed out by the Honourable Member for Segamat Utara, is a very patient man, but if he is pushed too hard he either gives up completely or he reacts very violently or even fanatically. This is so of most races. Therefore it is but right that we should have some restraint in what we do, and more so in what we say. In a plural society the need is all the greater. Most of us accept fair criticisms and jokes without question but not all of us are made the same. That is why we have laws. People say that laws are made for fools and fools make laws. Whatever that means we must have some laws to check the exuberance and pranks of people, particularly so in matters that have an emotional content. For some

reason or other people resent if their weaknesses are pointed out—truth often hurts—and that is why people who advise high authorities often hide the truth from them.

My friend the Honourable Member for Larut Utara often jokes about Indians, both outside and inside this House. I can laugh it out, but not everybody can. In fact, he has first-class pantuns about the Indians. We had in the First Parliament seen how tense and fearful this House could become when some emotional matter was discussed—even to walk out was frightening. We have also heard of the fights that have occurred in various other Parliaments and ash-trays and books being flung at various meetings and even in the Mother of Parliaments there was a recent rumpus. No one can assure this House and this country that if there should be a fight in this House it will not be carried outside this House. That is what we have to prevent. I do not for one moment say that the restriction on Parliamentary speech will prevent any rumpus from occurring. But I believe that prevention is better than cure, and that temptation should be tempered.

Nevertheless, Mr Speaker, Parliamentarians are asked to give up an important privilege which is a vital requirement for a full democracy. As such, I should say there should be other safeguards, e.g. that the prosecution of a Member can only be made on the basis of a complaint made before a High Court Judge, who alone should have the power to summon the recalcitrant Member. Many people think that our lips are sealed. The moment we walk out of the House there will be a policeman to catch us. Now, that is not the feeling we want to create in this country and, therefore, it should be only a summons issued by a High Court Judge, and not by any Magistrate. Furthermore, the expenses of defending must be charged to the Parliamentary Vote, in the same way as compensation for injury or death suffered in the course of Parliamentary duty. These safeguards are needed not only because Parliamentary duty today has become a risky duty, but also because we know the unfairness and overzealousness of Government officials, be they even the Attorney-General himself. Even if we can seek comfort from the present group, we can never say who will be in the seat of power.

Even with these safeguards some people will not accept this Bill. I, therefore, suggest

that in the laws that are to be made under these modifications, there should be provisions for their review every five years to see if we have progressed. If we then find that there is no need for them they should be scrapped, better still to make provision for the laws to lapse after a period of five years. Perhaps this will be like asking for the moon. But that is a suggestion.

I now come to the question of the withdrawal of the Whip. The Government says that this Bill is in the national interest. The Member for Tanjong yesterday touched upon it. The Gerakan has withdrawn the Whip and called upon the Government to do likewise. But up till now we do not seem to have heard anything. The only Whip that has been withdrawn appears to be the Whip from the component parties—the UMNO, MCA and the MIC. On Thursday we had the spectacle of the MCA pleading with the UMNO; but if they mean what they say, then they should withdraw the Whip, in that we can know better whether it is a truly national decision. As representatives of the people—we have been told time and again that we are the representatives of the people—we should be able to take the decisions and therefore, if you say so, let us withdraw the Whip and let us stand up and be counted. If those who want a dictatorship defeat this Bill, then let us have a dictatorship; but I am sure sanity will prevail. The Government has made it clear that it is vital for the unity, peace and prosperity of this country. I would support this Bill in order that we may have peace and harmony which alone, I believe, can bring prosperity in the present capitalistic set-up. I hope that the new Government will be fair, responsive and reasonable. I hope that the laws to be introduced will reflect this. If the laws are anything but fair, we shall oppose them vehemently. With the change of leadership, there seems to be a change of attitude. The “winds of change” are trying to come. We will help these “winds” to come sooner if we can. The Government has adopted the Rukunegara. The Government says that it stands for fair and equitable distribution of wealth. It says that justice will not only be done but will be seen to be done. All these utterances give hope. I share this hope and if the passing of this amendment can help them fulfil this hope, I will stand by them and be counted. (*Tepok*).

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang sedang kita bahathkan sekarang ini. Tidak-lah jadi payah saya menyentoh satu persatu Rang Undang² ini kerana Rang Undang² ini telah pun di-huraikan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-waktu mengemukakan Rang Undang² ini di-dalam Dewan yang berbahagia beberapa hari yang lalu. Memadai-lah bagi saya menyentoh dengan memberi pendapat mengenai beberapa aspek terhadap Rang Undang² ini yang pada hemat saya akan menentukan chara kehidupan kita sa-hari² di-masa² akan datang dalam sa-buah negara saperti Malaysia yang di-diami oleh berbagai² keturunan dan keperchayaan yang menjadi warganegara Malaysia.

Walau bagaimana pun saperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Rang Undang² ini mempunyai dua maksud dan tujuan yang besar dan di-sini saya berharap Ahli² Yang Berhormat di-pehak Pembangkang daripada D.A.P. terutama sa-kali, dan juga P.P.P. yang maseh lagi menegakkan benang basah-nya, hanya-lah mahu mengamalkan demokerasi yang tidak bertanggung-jawab. Demokerasi yang tidak akan membena negara ini, demokerasi yang boleh mengachau-bilaukan negara ini dengan tidak memaham-persefahaman ra'ayat Malaysia yang terdiri daripada berbagai keturunan, ugama yang ada tinggal di-sini.

Saya harap mereka akan dapat memikirkan dengan sa-dalam² dan sa-halus²-nya dalam perkara ini. Tujuan pertama ada-lah bagi melarang perchakapan, atau perbinchangan awam mengenai perkara yang sensitif sa-bagaimana yang saya terangkan tadi supaya dengan ini dapat-lah demokerasi berparlimen berjalan dengan lichin di-negara kita Malaysia ini.

Yang kedua, ia-lah bertujuan untuk membetulkan menerusi undang², beberapa perkara yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum² di-Malaysia ini. Ini-lah yang akan di-pindakan dalam Fasal 153 dan pertama sa-kali dalam Bab (b).

Tuan Yang di-Pertua: Tolong berchakap perlahan sedikit!

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ma'af, Tuan Yang di-Pertua, Dalam Bab (b) memberi peluang, saya harap ramai lagi daripada anak² Melayu kita di-beri tempat² yang sa-imbang dalam universiti² terutama sa-kali di-dalam bahagian ilmu kedoktoran.

Saya berdiri di-sini sa-bagai Menteri Kesihatan, saya berasa sangat dukachita kalau di-pandang di-mana² juga Ahli² Yang Berhormat pargi melawat di-hospital, berapa orang-kah daripada anak² Melayu yang ada. Maka saya harap dengan ada-nya pindaan ini dan dengan ada peruntokan yang tertentu pada masa hadapan banyak peluang lagi bagi anak² Melayu, bukan sahaja dalam bahagian ilmu kedoktoran bahkan dalam ilmu kejuruteraan dan ilmu yang tinggi² lagi saperti scientific dan lain²-nya yang kita harap banyak peluang di-berikan kapada anak² Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak terangkan dan apa yang menjadi perbinchangan utama pada kita hari ini ia-lah patut-kah Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini di-bawa ka-dalam Dewan yang mulia ini dan di-bahathkan dengan kepala yang sejok, dengan penoh kesedaran dengan lebeh mengutamakan soal negara dan pendudok negara Malaysia ini. Dan sa-lepas itu ambil-lah satu keputusan yang teliti supaya dapat di-luluskan Rang Undang² ini dan ini-lah menjadi panduan kita hidup di-bumi Malaysia dengan berkehendakkan persefahaman yang sa-dalam²-nya dan dengan persefahaman yang baik dapat memanjangkan muhibbah yang membawa perpaduan, dan dengan ada-nya perpaduan akan terchapailah keamanan negara dan kema'amonan. Ini-lah chita² Kerajaan Perikatan dan saya perchaya tidak ada sa-orang Ahli² Yang Berhormat, walau pun daripada pehak Ahli² Yang Berhormat daripada D.A.P. dan P.P.P. yang tidak menyokong dasar ini.

Pada pendapat saya tidak ada sa-siapa yang saya katakan tadi di-antara kita Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang berfikiran waras, yang betul² faham dan insaf akan kejadian 13 Mei itu tentu-lah tidak ada sebab dan alasan hendak menentang; hendak berchakap boleh-lah berchakap, hendak beri pandangan sila-lah. Kita ucapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kapada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu yang telah berchakap begitu panjang dan membuat mithalan² sa-bagai sa-orang doktor yang pakar. Hingga

saya bertanya kelulusan doktor itu dari mana, jawab-nya tiada kelulusan dari mana², kelulusan politik tentu-lah kelulusan daripada Parti PAS. Kalau ada pun kelulusan dari Parti PAS barangkali susah juga hendak menyesuaikan-nya memandangkan fahaman PAS dan fahaman Perikatan tentu-lah berlawanan sedikit, tetapi saya ucapkan sa-tinggi² tahniah atas keputusan-nya menerima dan menyokong penoh Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang kita chadangkan ini. Begitu-lah hendak-nya kita harap sa-bagaimana juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bagi pehak Parti Gerakan, walau pun baharu Ahli Yang Berhormat daripada pehak Parti Gerakan itu tadi di-beri kebebasan, bebas memberi pandangan atau mengkeritik. Ini tidak ada dictatorial sistem yang ada berjalan sekarang di-Malaysia. Sungguh pun kita dengar daripada Pembangunan sedikit² mengatakan dictator, sedikit² dictator, sedikit² dictator, pada hal di-belakang kita mereka mengatakan sedikit² demokrasi, sedikit² demokrasi, what is democracy without responsibility is just a mockery. Kalau mahukan Parliamentary democracy, kita masing² mesti bertanggung-jawab dan kita mesti menjaga disiplin diri kita masing² begitu juga ra'ayat seluruh-nya, kalau kita mengaku menjadi ketua² parti yang bertanggung-jawab. Ahli² Yang Berhormat tentu-lah sanggup memimpin ra'ayat yang berkehendakkan pimpinan daripada kita semua.

Rang Undang² ini ada-lah berterus-terang dan melambangkan kedudukan yang sa-benar²-nya bagi negara kita Malaysia yang mempunyai penduduk-nya daripada berbilang keturunan dan ugama. Kita tidak boleh hendak sembunyi²kan lagi perkara ini. Kita mesti berterus terang dan kita mesti insaf dan menyesuaikan kedudukan kita dalam negara ini. Sa-kira-nya mereka yang mengaku menjadi warganegara yang ta'at setia, warganegara yang mahukan keamanan, warganegara seperti Ahli² Yang Berhormat yang telah pun bersumpah akan memper-tahankan Perlembagaan yang ada sekarang dan Perlembagaan yang akan di-pinda dengan chara berperlembagaan dua-pertiga bilangan Ahli² Dewan Ra'ayat ini. Bukan-lah satu pindaan yang hanya suka², sawenang² kita sahaja, tetapi kalau kita berdasarkan kepada Parliamentary democracy, kita mesti patoh kepada keputusan, sebab itu saya harap Ahli² Yang Berhormat daripada parti² Pembangunan kira-nya Rang Undang² ini di-

luluskan mereka mesti-lah patoh—dan menolong menerangkan kepada penyokong² mereka, tetapi tidak pula nanti sa-balek-nya berbisek² di-kedai² kopi, berbisek² di-kampung², menentang-nya pula ini bukan-lah patoh kepada keputusan demokrasi.

Sa-bagai ra'ayat yang menduduki sa-buah negara yang berbilang kaum perkara yang di-larang itu seperti soal kera'ayatan, kedudukan Bahasa Kebangsaan serta bahasa kaum² lain yang telah kita akui dalam Perlembagaan. Kedudukan istimewa orang Melayu pantang di-sentuh. Kalau di-sentuh perkara ini akan berbangkit sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara mengatakan, orang Melayu chukup sabar, tetapi sabar itu ada had-nya, ada tempoh-nya, tetapi kalau sudah sabar di-hempap ia akan meletup, amok beramok. Ini yang kita hendak elakkan supaya tidak mahu lagi kejadian Mei 13 itu. Tanya-lah sa-siapa di-Malaysia ini mahu-kah mereka melihat kejadian 13 Mei itu berlaku lagi? Kalau tidak mahu, mari-lah kita bersama² menchari jalan bagaimana hendak menjauhkan kejadian² yang tidak di-ingini yang patut kita mesti fikirkan dalam² perkara kita membahathkan pada hari ini. Tiap² sa-orang daripada kita dalam Dewan ini mesti-lah menyedari hakikat² ini kerana perkara² yang di-larang itu merupakan perinsip² negara dan tiang kerukunan hidup kita bersama mengikut Rukunegara yang telah kita akui. Ini-lah satu chara dengan ada-nya muhibbah, dengan ada-nya perpaduan, dengan ada-nya fahaman saling-mengerti yang mendalam kita dapat mengikis fahaman perkauman dengan orang Melayu-nya, orang China-nya, orang India-nya dan lain keturunan kerana kita semua ada-lah warganegara Malaysia. Dalam masa yang tidak berapa lama lagi, Insha' Allah, akan dapat memandang sama rata, sama rasa, sama tanggung-jawab asalkan jurang perbezaan dari segi ekonomi dapat di-rapatkan dengan sa-berapa segera-nya jurang² perbezaan yang lain juga dapat di-samakan dalam waktu yang sengkat, maka waktu itu-lah kita dapat melupakan keturunan kita. Ada orang yang tidak ada dan ada orang yang ada menyebabkan anasir² menghasut orang yang tidak ada atas perbezaan keadaan. Begitu juga saya harap sa-bagai ahli² politik yang mempunyai tanggung-jawab utama kepada kepentingan negara dan ra'ayat mesti-lah memahami

kehendak² atau unsor² yang membawa kapada wujud-nya negara kita yang merdeka lagi berdaulat ini.

Kelalaian kita untuk memahami hakikat² ini ada-lah merupakan suatu perbuatan untuk menipu diri sendiri dan ini akan merugikan diri sendiri dan akan merugikan juga parti. Sebab itu saya harap Ahli² Yang Berhormat baik pun mereka ini telah merasa barangkali dengan sebab perbuatan mereka sendiri yang menyebabkan mereka kena tahan, tetapi tahanan itu ada-lah untuk kebaikan mereka sendiri tetapi apabila keluar dan dudok di-Dewan hendak-lah faham dan sedar apa yang kita pentingkan ia-lah keamanan, dengan keamanan baharu-lah kita dapat mengechap kama'amoran. Maka oleh kerana itu saya harap sa-siapa juga yang tidak mahu memahami hakikat² ini dengan sengaja. Saya ingin berkata dengan terus-terang bahawa masa hadapan mereka² ini dan fahaman politik mereka akan menjadi satu tandatnya sama ada parti mereka akan layak berdiri sa-bagai sa-buah parti yang dasar-nya bertentangan dengan Perlembagaan yang berjalan kuatkuasa sa-kiranya Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini di-luluskan.

Dan saya minta-lah kapada mereka supaya insaf, bersama²-lah kita atasi kepentingan negara dan ra'ayat, lupakan-lah soal ideologi, soal parti politik sungguh pun mereka telah menghadap pengundi²-nya sa-bagai dasar politik—dasar parti-nya memperjuangkan multi-lingualism tetapi kalau multi-lingualism boleh menyebabkan satu perkara yang boleh menaikan semangat dan menjadi huru-hara negara ini patut-lah kita pinda dasar² parti kita ini kalau mahu sesuai dalam negara berpandukan kapada Perlembagaan. Perlembagaan sesuai dengan keadaan dan kemahuan ra'ayat kerana keamanan dan kema'amoran negara ini.

Dan saya tidak shak lagi tiap² sa-orang daripada Yang Berhormat di-dalam Dewan yang mulia ini mahukan sa-buah negara Malaysia yang utuh yang tiada huru-hara dalam negara dan berpechah-belah dengan bersatu padu kita menjadi kokoh, dan kuat. Apabila kuat dan bersatu padu tentu-lah negara kita akan ma'amor. Dan tiap² daripada kita di-dalam Dewan yang mulia ini juga mahukan ra'ayat kita akan terus hidup aman, maju dan ma'amor supaya kita dapat tegak berganding bahu dengan mana² juga negara yang merdeka lagi berdaulat di-dalam

dunia ini. Kita tidak mahu negara kita ini di-jadikan satu barang pertarohan, atau menjadi rebutan di-antara kita sesama kita. Sa-suatu barang pertarohan sudah tentu akan membawa kapada dua masaalah ia-itu sama ada kebaikan atau kehanchoran. Sudah tentu kita tidak ingin melihat negara kita Malaysia yang kita chinta² ini menjadi huru-hara dan hanchor lebor.

Saya sa-bagai sa-orang pejuang sudah berpuluh tahun mahu menyatu padukan ra'ayat, mahu meninggikan taraf kehidupan ra'ayat, mahu bebas dan merdeka dan tidak rela negara ini mesti di-huru-harakan hanya oleh sagelintir manusia atau sa-bahagian parti yang tidak bertanggung-jawab dengan kehendak ra'ayat seluruh-nya. Sudah tentu kita tidak ingin melihat negara kita saperti saya kata tadi hanchor, atau menjadi padang jarak, padang terkukor, kita sudah tentu tidak ingin melihat ra'ayat berbilang kaum di-negara kita ini hidup dalam suasana shak-wasangka dan tidak akan dapat membawa kapada keuntongan seluruh-nya, ini akan merugikan negara dan merugikan ra'ayat.

Oleh yang demikian ada-lah sa-wajar-nya Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini di-adakan yang sedang kita bahathkan hari ini dan di-luluskan oleh Dewan yang mulia ini, kerana dengan yang demikian kita telah berterus terang mengenyepikan perkara² yang sensitif itu daripada persoalan² yang boleh menjadikan huru-hara di-negara kita sa-bagaimana chontoh-nya kejadian 13hb Mei itu. Dengan yang demikian kita juga akan menumpukan seluruh tenaga meujudkan sa-buah negara Malaysia yang maju dengan segala ranchangan² yang kita sedang siapkan ia-itu Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang memakan belanja beribu² juta untuk ra'ayat seluruh-nya. Bagitu juga sa-buah negara yang padu dan ma'amor serta sa-buah masharakat yang lebeh terator dan lebeh berdisiplin dan berperadaban atau mempunyai peribadi yang istimewa yang kita ini orang Malaysian tahu menyesuaikan diri kita ia-itu keadaan identity of Malaysia.

Pada pendapat saya ini-lah chita² morni di-sabalek Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini ia-itu untuk meujudkan satu masharakat berbilang kaum yang padu lagi terator dan beradab maka di-sini. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai ahli politik yang

bertanggung-jawab—ada-lah menjadi kewajipan kita semua yang paling utama untuk melindungi perjalanan demokrasi berparlimen kita sesuai dengan semangat rukunegara yang mana sudah di-akuī oleh seluruh ra'ayat yang mahu hidup berdasarkan dengan menerusi muhibbah dan perpaduan akan membawa keamanan dan kema'amoran negara Malaysia. Saya berpendapat bahawa demokrasi berparlimen yang tidak berasaskan semangat rukunegara dan bertanggung-jawab akan meletakkan kita di-satu jurang kehanchoran. Jika kita dalam Dewan ini menentang Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini berm'ana-lah bahawa kita tidak menyempurnakan tanggung-jawab kita kepada ra'ayat dan negara serta mengikut kehendak² demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang da'awaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka bahawa ra'ayat telah hilang kepercayaan kepada Kerajaan. Saya ingin tegaskan di-sini bahawa ra'ayat semakin menaruh kepercayaan kepada Kerajaan yang telah dapat melaksanakan dengan sempurna-nya kepentingan² ra'ayat dan negara. Di-dalam masa 21 bulan kita di-bawah pemerintahan Gerakan Negara yang di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini, semua ra'ayat berbilang kaum telah merapatkan hubungan persaudaraan mereka dan memahami lebih dekat lagi di-antara satu sama lain dan ini saya berani berchakap dengan membawa mandat daripada kawasan pilihan raya saya ia-itu Pontian Utara yang mengandungi penduduk²-nya tidak kurang dari 50,000 orang dan pengundi²-nya lebih 25,000 orang yang telah menerusi Jawatan-kuasa² Muhibbah di-Mukim dan Daerah telah menjalankan satu dasar yang baik dengan bermeshuarat, bekerjasama, berunding, berniaga dan mereka minta menyampaikan hasarat mereka kepada Dewan yang berbahagia ini menerusi saya kalau-lah di-Pontian Utara—semua-nya menyokong untuk Negara dan untuk ra'ayat; nasib baik tidak ada D.A.P. di-sana, PAS ada, tetapi PAS menyokong 100%, itu tidak menjadi soal. Saya perchaya di-kawasan yang lain yang mana Yang Berhormat wakil²-nya ada di-sini, saya perchaya mereka juga menyokong 100% chuma hanya segelintir manusia barangkali tidak sampai satu persen yang menyokong ia-itu pehak D.A.P.

Sekarang pun dalam Dewan ini dua daripada parti Pembangkang yang besar, ia-itu PAS, Gerakan dan SNAP, minta ma'af, walau pun SNAP kata mula² nampak-nya tidak menyokong, tetapi SNAP, ia mengambil keputusan yang SNAP juga menyokong dengan sa-penoh-nya. (*Tepok*). Bagitu-lah hendak-nya kita Ahli² Yang Berhormat yang bertanggung-jawab, tetapi dukachita-lah sahabat² saya daripada D.A.P. ini semua kawan² saya yang terdiri dari doktor², lawyer², intelektual² bagitu juga daripada P.P.P. tetapi kalau doktor hanya hendak menyuntik suroh naik semangat, saya fikir tidak betul-lah. Saya fikir lagi baik buat satu formula vaccine yang di-gunakan untuk suntak itu boleh turunkan semangat jangan sampai mereka selalu hendak marah dan ini memang ada kita gunakan, apabila orang yang terlampau sangat berfikir otak-nya ta' betul dan di-hantar di-Tanjong Rambutan dan gunakan suntakan satu vaccine suntak apabila di-suntakkan kepada mereka, mereka mengantok selalu, Tuan Yang di-Pertua, mereka jadi sejok dan mereka tidor-lah (*Ketawa*). Saya harap-lah Ahli² Yang Berhormat daripada D.A.P. kebanyakan-nya doktor² chuba-lah suntak sedikit sejokkan fikiran dan mari-lah kembali kalau sudah sesat di-hujung jalan, kembali ka-pangkal jalan. Sabalek-nya saya kata tadi apa yang menjadi kenyataan ia-lah ra'ayat yang chintakan keamanan dan kema'amoran negara kita ini, saya perchaya sa-lepas di-luluskan Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini hendak-lah wakil dari Bandar Melaka itu tanya mereka yang mengundi-nya itu mahu aman, atau tidak, tentu-lah mereka mahu aman.

Kalau mereka tidak menyokong mahukan keamanan, mahukan keuntungan, serta mema'amorkan negara ini, saya perchaya pengundi² mereka sendiri akan berpaling tadah dan saya perchaya bukan Kerajaan kita yang tidak di-sukai oleh ra'ayat, tetapi D.A.P. barangkali kerana ra'ayat sudah sedar tidak patut mereka menyokong sa-suatu fahaman yang tidak sesuai dengan keadaan penduduk dan keadaan Perlembagaan yang ada di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, D.A.P. dan juga P.P.P. maseh lagi hebat menghentam pehak Kerajaan, segala²-nya Kerajaan salah. Sebagai Ahli² Yang Berhormat mereka sa-patut-nya hendak-lah memberikan kerjasama, kalau salah tunjok-lah ajar macham mana hendak membetulkan keadaan ini, tetapi tidak.

Sa-patut-nya apa yang Kerajaan sudah jalankan menahan daripada merebak 13 Mei, dan dalam 21 bulan kita hendak kembalikan demokrasi berparlimen, patut mereka berucap terima kaseh dan tahniah, kalau tidak berucap terima kaseh pun diam² sahaja sudah-lah, jangan-lah bangkang pindaan ini. Ini sa-balek-nya ashek main hentam, hentam, apa hendak jadi, lebor-lah kita. Tetapi insha' Allah kita tidak lebor, Perikatan akan bangkit, Perikatan dengan sokongan ra'ayat akan membetulkan kehendak ra'ayat dan membaiki keadaan kehidupan ra'ayat termasuk ra'ayat walau pun apa juga bangsanya, mahu pun di-luar bandar, mahu pun di-dalam bandar².

Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini ada-lah hasil daripada perbincangan yang saksama dari hati ka-hati di-dalam Majlis Perundingan Negara yang ahli²-nya meliputi semua kalangan ra'ayat dalam negara ini termasuk daripada parti² politik yang sedarkan tanggung-jawab-nya di-atas keselamatan dan kedaulatan demokrasi berparlimen di-negara ini. Malang-nya Parti D.A.P. tidak sudi menghantar wakil-nya dalam Majlis Perundingan Negara ini dan ini terang kepada kita ka-hala mana-kah perjuangan D.A.P. ini. Walau bagaimana pun belum-lah terlewat lagi, belum lambat lagi, bagi D.A.P. dan mereka yang menentang Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini supaya berfikir lebih lanjut lagi dengan saksama untuk menyertai anggota² lain yang sedarkan tanggung-jawab-nya kepada masa depan ra'ayat dan negara kita Malaysia yang kita chintai dengan menyokong Rang Undang² ini. Sa-kali lagi saya mengucapkan ber-banyak² terima kaseh kepada pehak² yang telah menyokong kerana dengan sokongan itu kita akan lebih tegoh, dengan ketegohan, insha' Allah, bersatu kita tegoh dan apabila tegoh akan mendapat perdamaian, dengan ada-nya perdamaian kita, insha' Allah, akan mendapat menchapai lebih² lagi kema'amoran dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua yang telah di-peruntukkan bermillion juta ringgit banyak-nya. Terima kaseh.

Menteri Muda Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberikan penjelasan satu dua di-dalam untuk menyokongkan Rang Undang² ini memindahkan Perlembagaan kita. Patut-lah kita, Tuan Yang di-Pertua, meletakkan satu taraf keutamaan di-atas ia-itu kepentingan negara.

Kepentingan negara, Tuan Yang di-Pertua, termasuk-lah, pada fikiran saya, perpaduan di-antara kaum di-dalam Malaysia, keutuhan semua orang² seluroh ra'ayat di-Malaysia ini dan juga yang kedua di-dalam perbahathan ini, saya suka menyentuh di-atas freedom of speech yang mana telah di-katakan oleh pehak Pembangkang satu perinsip demokrasi yang telah terbabas di-dalam untuk memin-dakan Perlembagaan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-dalam perbahathan meminda Perlembagaan mesti-lah kita saperti saya kata meletakkan keutamaan kepada kepentingan negara. Walau bagaimanapun dasar, atau pun perinsip demokrasi chara barat saperti freedom of speech akan terbabas. Saya tahu dan faham dan juga pehak Kerajaan telah sedar dan telah mengkaji dengan sa-halus²-nya di-atas perkara ini, tetapi demi kepentingan negara, kema'amoran, keutuhan dan perpaduan antara kaum di-Malaysia ini, maka mustahak-lah Perlembagaan negara kita di-pinda.

Mengingatkan keadaan yang telah berlaku pada 21 bulan yang lepas ia-itu peristiwa 13 Mei, saya telah dengar ramai daripada Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sana mengatakan bahawa chara Kerajaan menjalankan tugas²-nya dengan memindahkan Perlembagaan ini, atau pun chadangan hendak memindahkan Perlembagaan ini adalah sedikit sa-banyak menyekatkan pehak² Parti Pembangkang daripada membuat serangan² yang hebat kepada Kerajaan. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah itu hajat Kerajaan untuk memindahkan Perlembagaan ini. Hajat yang sa-benar, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi tahu kepada pehak Pembangkang ada-lah kepentingan negara untuk memberikan keamanan pada masa yang akan datang bukan-lah keamanan kepada kita sahaja yang hidup masa sekarang ini, tetapi keamanan pada sa-tiap masa yang akan datang bukan-lah keamanan, kema'amoran dan anak² kita, anak² chuchichit kita yang akan hidup pada masa yang akan datang, perpaduan antara kaum yang ada di-Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah mustahak jika kita hendak menjagakan kema'amoran yang akan datang yang kita akan hidup juga pada masa akan datang.

Saya suka mengatakan dengan jelas-nya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu tindakan Kerajaan yang Kerajaan

bertanggung-jawab untuk memindahkan. Bertanggung-jawab kepada sa-tiap lapisan ra'ayat di-negara ini. Dalam masa yang lepas sa-lama 21 bulan Kerajaan dapat memulehkan keadaan negara ini daripada keadaan kachau-bilau yang mana kita semua ketahui dan kita sedia ma'alum di-mana keadaan itu telah baik dan berpuleh baik kepada keadaan sa-belum berlaku-nya peristiwa 13 Mei.

Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli² Yang Berhormat sakalian telah dapat melihat dan menyaksikan dengan mata kepala sendiri di atas kebaikan memulehkan keadaan yang begitu kachau-bilau 21 bulan dahulu kepada masa dan kema'amoran yang baik pada masa sekarang ini.

Di-sini ada juga saya mendengar mengatakan waktu masa dharurat, ia-itu sa-belum kita memulehkan mengishtiharkan demokrasi berparlimen, saya terdengar, Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan dharurat ini patut di-kekalkan, di-kekalkan oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah kema'amoran² dan keutuhan negara ada terjamin. Saya terdengar dengan telinga saya sendiri, tetapi oleh sebab tanggung-jawab Kerajaan kita pada masa sekarang ini, maka mesti-lah juga kita pulkan Parlimen berdemokrasi supaya kita berunding dengan chara demokrasi jika mengizinkan masa, mengizinkan kedudukan Parlimen berdemokrasi.

Dengan pemulehan ini saya rasa patut-lah kita semua ra'ayat negeri Malaysia ini berterima kasih kepada Kerajaan Mageran dan Ahli² Mageran khas-nya kepada Pengarah Mageran, di-atas begitu gilang-gemilang perkhidmatan-nya dalam masa 21 bulan. Tetapi kita terdengar di-dalam Dewan ini, di-dalam Majlis ini, ia-itu sa-balek-nya pula pehak Pembangkang memberikan dengan hebat-nya mengatakan Kerajaan dalam masa 21 bulan yang lepas ada-lah Kerajaan yang berdiktator. Tetapi jika betul² berdiktator, saya rasa pehak Pembangkang akan tidak boleh berchakap seperti yang telah di-katakan yang mana kita telah terdengar dengan telinga kita sendiri ia-itu pehak² Pembangkang mengechamkan pehak² Kerajaan yang telah memberikan pekerjaan dan perkhidmatan yang begitu gilang-gemilang.

Lagi saya mendengar di-dalam perbahathan ini yang mengatakan kegagalan Kerajaan Perikatan melaksanakan kepentingan² orang Melayu terutama dalam segi ekonomi dan pelajaran, tetapi saya tidak

pernah dengar satu² ranchangan, atau dasar ekonomi dan pelajaran yang di-kemukakan oleh pehak Pembangkang dengan jujur yang mana dasar² mereka itu akan boleh diterima serta sesuai dengan keadaan ra'ayat yang berbilang bangsa dan berbilang kaum di-dalam negara kita ini yang mana terutama keadaan ekonomi antara kaum maseh lagi jauh dari persaimbangan-nya, melainkan dasar yang telah di-ujudkan dan di-amali oleh Kerajaan Perikatan pada masa sekarang ini.

Dato' Yang di-Pertua, dengan ini saya suka mengatakan untuk mendapat bukti dan kejayaan dalam dua lapangan ini mungkin akan mengambil masa yang begitu lama sa-kurang² satu jenerasi. Oleh itu saya menegaskan di-sini, ia-itu tidak tahu apa-kah yang akan berlaku sa-kira-nya kata-lah parti² Pembangkang ada memegang teraju pemerintahan negara ini. Dato' Yang di-Pertua, saya sa-kali² terfikir, teringat, dan terasa juga di-hati saya berikan perchubaaan, atau taraf perintis kepada parti Pembangkang untuk memegang teraju pemerintahan negara ini. Tetapi sa-telah saya meninjau dan memikirkan dengan sa-jujur²-nya maka jelas-lah, faham-lah saya jika sa-kira-nya pemerintahan negara kita ini ada kepada pehak Pembangkang, maka saya bimbang dan tidak perchaya nanti akan lenyap-lah segala perpaduan antara kaum yang telah kita chapai pada masa yang lepas itu dan apa² nikmat dan keuntongan lagi yang telah kita rasai pada masa² yang lepas, maka dengan itu perchubaaan atau taraf perintis seperti yang saya maksudkan tadi sa-kali² tidak boleh di-berikan dan di-laksanakan oleh pehak Pembangkang. Dan dengan demikian nyata-lah kepada kita bahawa Kerajaan hari ini sedar yang mana pehak Pembangkang boleh di-ibaratkan seperti tikus membaiki labu, Dato' Yang di-Pertua.

Untuk siapa² yang tidak faham ma'ana tikus membaiki labu—seperti tikus dia hendak membaiki labu tujuan-nya, Dato' Yang di-Pertua, tetapi makin dia chubit, makin dia habis labu itu. Itu-lah kedudukan Pembangkang yang sedang hendak chuba memperbaiki kedudukan negara yang hendak bersatu padu di-antara kaum di-dalam negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, parti Pembangkang yang ada di-sabelah sana selalu kedengaran kata-nya yang mana semua perkara yang di-buat oleh Kerajaan itu tidak baik. Ini

politik, Dato' Yang di-Pertua, semua tidak baik. Tetapi saya fikir oleh sebab itu-lah jikalau baik pun dia kata tidak baik. Dimana ada yang berkata bahawa pindaan yang kita bentangkan bagi di-luluskan dalam sidang ini mereka kata tidak lengkap dan menggiatkan Kerajaan dengan mengatakan apa yang di-bentangkan ini ada-lah seperti kalau hidangan² makanan, makanan ada-lah makanan barat, chuma sudu dan gerpu sahaja yang tidak ada. Dato' Yang di-Pertua, saya tidak peduli saya suka memberikan pandangan saya, jikalau makanan itu bagus dan sedap kalau di-makan seperti yang dikatakan itu seronok, saya rasa tidak ada gerpu pun makan-lah, kerana makanan itu bagus, jikalau sesuai dengan kita. Dan ada pula yang mengatakan bahawa chara ini tidak berdemokrasi. Jadi nampak-nya bermacam²-lah helah dan daleh mereka. Mungkin pula kalau Kerajaan tidak meminda Perlembagaan ini, pada waktu ini, nanti pula pehak Pembangkang masa 10 atau 20 tahun akan datang akan mengatakan kenapa dahulu² Kerajaan tidak meminda-nya pula. Jikalau pula berlaku sa-kali lagi peristiwa seperti yang berlaku pada 13hb Mei itu, jikalau berlaku sa-kali lagi, Dato' Yang di-Pertua, saya suka menerangkan akan dahshat-nya kerosakan dan kerugian nyawa jikalau lagi berlaku. Jadi, kalau-lah bagini lagak dan telatah pehak Pembangkang, maka berani-lah saya mengatakan lagi pepatah orang Melayu keadaan ini ada-lah seperti: "Rumah sudah, pahat berbunyi".

Dato' Yang di-Pertua, di-sini saya telah menjelaskan, ia-itu sedikit sa-banyak kepentingan negara mesti kita letakkan keutamaan. Kita telah mendengar, ia-itu demokrasi jikalau kita sekat dan menahan peluang orang² berchakap freedom of speech itu terbabas, maka ini perinsip demokrasi tidak ada. Saya suka menerangkan, Dato' Yang di-Pertua, demokrasi ini ada-lah perkara hidup, perkara berjalan, dia mengikut masa dan kedudukan-nya. Izinkan saya, Dato' Yang di-Pertua, mengatakan "it grows with the time. It is just like the principle of an equity in law, it grows with the "Chancellor's foot." Bagitu-lah ma'ana-nya prinsip² demokrasi berjalan berluasan² dan berpanjangan² mengikut masa, jikalau keadaan telah sampai, Dato' Yang di-Pertua, patut kita pindahkan prinsip demokrasi itu, maka terpaksa-lah kita memindahkan. Dimana negara yang tidak ada Perlembagaan bertulis, prinsip demokrasi ini telah ter-

chatit di-dalam kes² yang lama yang telah di-jalankan di-negara mereka itu sa-bagai dasar demokrasi mereka itu. Tetapi seperti di-negara kita, Dato' Yang di-Pertua, negara kita ada Perlembagaan yang tertulis. Jikalau sampai-nya masa Perlembagaan kita patut di-pinda supaya sesuai dengan masa, maka patut-lah kita meminda. Walau bagaimana pun prinsip demokrasi yang kita faham sa-chara barat itu terbabas dan terputus sedikit sebanyak. Demi kepentingan untuk menjaga keselamatan negara, maka terpaksa-lah kita membuat pindaan seperti yang telah kita maksudkan yang telah di-chadangkan dihadapan kita semua ini.

Saya tidak tahu hendak terangkan sa-chara definition apa-kah ta'arif definition democracy. Kita telah dengar di-dalam Majlis ini mengatakan demokrasi ada-lah satu "wishes of the majority". Tetapi saya suka juga seperti saya telah terangkan itu, izinkan saya membaca satu kenyataan yang di-buat oleh sa-orang yang bernama William Janning pada tahun 1896 di-dalam majlis Democate National Convention yang berbunyi sedemikian. Dato' Yang di-Pertua, "With it, they tell us that the platform was made to catch votes. Changing conditions make new issues that the principle for which democracy rests as everlasting as a hill but they must be applied to new conditions as they arise." Ini telah nyata dan terang, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu demokrasi tidak-lah stetik, tidak-lah terhenti setakat mana yang kita faham sekarang ini. Dia ini berpanjangan² mengikut masa. Maka di-sini nyata, ia-itu kita mesti-lah tukar jikalau masa-nya telah sampai dan sesuai untuk kita meminda untuk kepentingan negara menjaga keselamatan negara, menjaga keutuhan negara, menjaga perpaduan negara di-antara kaum sama kaum yang ada di-sini. Jadi, ini bukan-lah di-katakan terbabas demokrasi, Dato' Yang di-Pertua, pada fahaman saya.

Dato' Yang di-Pertua, kita dengar freedom of speech seperti yang saya jelaskan tadi telah terbabas dalam kita hendak memindahkan Perlembagaan ini. Freedom of speech ada-lah salah satu seperti yang saya terangkan, Dato' Yang di-Pertua, "Prince Democracy" yang kita telah tiru, yang telah kita selenggarakan di-negara kita. Tetapi yang mana saya tahu, Dato' Yang di-Pertua, freedom of speech ini yang mana negara² barat yang mana kita ambilkan demokrasi ini

bukan-lah 100% freedom of speech yang mana negara yang di-sebutkan bercommon law, tidak-lah di-katakan 100% freedom of speech. Saya tidak boleh kata, Dato' Yang di-Pertua, ini tidak bagus yang memberikan akibat keburokan, atau pun salah satu seperti saya katakan Enche' Mamat itu orang penchuri, orang jahat, memberikan keburokan kepada persendirian-nya. Dia boleh da'awa kepada kita. Kita semua tahu di-atas undang² defamation. Kita telah dengar dahulu Ahli Dewan ini pun telah membuat penda'awaan mahkamah di-atas defamation ini. Jadi dengan itu fahaman saya, Dato' Yang di-Pertua bukan-lah freedom of speech ada di-negara² barat yang berdemokrasi itu freedom of speech 100%. Ada sekatan, ada landasan yang mana jikalau di-keluarkan daripada landasan itu, itu ada-lah salah dan di-hukom mengikut da'awaan undang².

Tadi ada juga kita dengan shor² daripada parti Pembangkang mengatakan jikalau begitu untuk keutuhan sedikit sa-banyak freedom of speech ini patut-lah di-berikan kepada Majlis ini supaya kita boleh berunding dan berbath di-atas satu² perkara ia-itu tidak-lah tersekat kepada Ahli² di-Dewan ini.

Saya rasa chadangan Kerajaan itu meliputi ka-semua, baik pun di-dalam Majlis ini atau pun di-luar Majlis ini, mesti-lah sama rata—equality semua sa-kali. Sebab itu-lah Perkara 63 dan 72 Perlembagaan kita untuk bersamakan, menyelaraskan baik pun di-luar Majlis ini atau pun di-dalam Majlis ini, perkara 63 dan 72 ini di-pindakan. Jadi, kita kata, dan kita lihat di-dalam Perlembagaan kita perkara 63 dan 72 mengatakan privilege ia-itu keistimewaan. Mengikut fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, privilege ini bukan hak. Right ia-lah hak. Privilege ia-lah keistimewaan—concession. Privilege boleh di-tarek balek dengan tidak di-bayar ganti-rugi, tetapi jikalau hak di-ambilkan oleh pehak² yang tertentu, maka hak itu akan di-gantikan rugi jikalau kerugian-nya ada terbukti di-dalam sharat² perkara² ini. Maka dengan itu seperti yang saya tahu legal jurist mengatakan seperti Salmond mengatakan concession ini boleh di-tarekkan balek. Privilege ini boleh di-tarekkan balek, maka seperti yang di-chadangkan di-dalam pindaan ini, pindaan ini, erti-nya privilege yang di-beri kepada Ahli² Dewan Ra'ayat ini ada-lah hendak di-tarek balek demi kepentingan negara, keutuhan

negara. Maka saya rasa ini tidak menjadikan soal ia-itu demokrasi telah bebas, demokrasi telah hapus dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan² yang akan di-buatkan di-dalam Pindaan Rang Undang² ini termasuk-lah kewarganegaraan ia-itu citizenship, National Language di-bawah perkara Article 152 dan Article 153, hak² keistimewaan dan Article 181. Saya suka menerangkan sedikit sa-banyak di-atas citizenship, National Language dan semua perkara ini. Ini ada-lah yang mana pada masa yang lepas, dalam pilihanraya 1969 telah di-sebut² dan telah di-ejek²kan oleh pehak Pembangkang, membangkitkan kemarahan. Jikalau di-sebutkan oleh orang China—orang Melayu marah perkara² ini dan ada juga perkara² ini jikalau di-ejek² dan di-sebutkan² oleh orang Melayu, orang China marah, atau pun orang India marah.

Maka perkara ini untuk menjaga, seperti saya kata itu ada-lah sangat baik kita tidak memberikan keistimewaan untuk berchakap dengan 100% kerana pada masa yang lepas parti Pembangkang telah memainkan, telah memilehkan platform, perkauman—racial platform di-dalam kempen² yang telah lepas. Dan bukan-lah kata sedikit sa-banyak peristiwa 13 Mei itu hanya meletup begitu sahaja, meletup oleh sebab di-main²kan oleh parti Pembangkang di-atas perkara ini. Oleh sebab perkara perkauman ini sangat merbahaya dan oleh sebab Kerajaan kita ini ada-lah Kerajaan yang bertanggung-jawab, maka saya menyokong-lah di-atas chadangan meminda Rang Undang² Perlembagaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lepas boleh di-katakan Kerajaan telah menhubakan untuk semua kaum yang ada di-dalam Malaysia ini bersatu padu ka-araf bersatu padu—unity. Kita hendak mengujudkan satu identity—National Identity yang sesuai kepada masyarakat kita yang berbilang bangsa, sesuai di-dalam negara kita yang mana perkauman pada masa sekarang ini boleh di-katakan hebat. Chara mana-kah yang kita hendak menjalankan, mengujudkan satu Malaysian Identity, National Identity ini supaya pada masa yang akan datang orang China tidak boleh di-katakan dia berasal daripada China, orang Melayu tidak boleh di-katakan berasal daripada Malaya dan orang India tidak boleh di-katakan dia berasal daripada India—tidak ada discrimination pada masa yang akan datang, tetapi jikalau kita tidak membuatkan sekatan ini maka mungkin kita tidak akan berjaya.

telah tidak tercapai kejayaan untuk mengujudkan satu negara dan satu bangsa yang bersatu padu. Ini-lah, pindaan, ini ada-lah satu tindakan yang membuatkan ka-arrah bersatu-padu di-antara kaum di-dalam Malaysia ini. Patut-lah kita dengan memikirkan perkara ini apa-kah yang boleh disifatkan Malaysia. Apa-kah perkara yang di-sifatkan un-Malaysian. Baik-lah, barangkali juga memikirkan perkara yang baik kita untuk mengujudkan negara ini ada-lah kita menggunakan di-sekolah saperti chadangan ia-itu mengadakan intergrated school dimana semua bangsa pergi ka-sekolah itu, di-ajarkan supaya sedikit sa-banyak mereka dapat berbath dalam bahasa Malaysia.

Di-sini kita terdengar sa-tengah berucap dalam bahasa Inggeris. Tidak boleh berucap dalam Bahasa Kebangsaan, oleh sebab tidak faham dalam perkara ini. Ada juga, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh, tidak mahu, tetapi itu bukan saya maksudkan, tetapi tidak boleh berchakap Bahasa Kebangsaan. Jikalau semua khas-nya di-sini kita mulakan berchakap dalam Bahasa Kebangsaan mungkin kita membuat satu tauladan, satu example. Kita mengujudkan satu negara yang sama pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, National Language ini ada-lah telah terchatet dengan terang dan nyata ia-itu Malay to be the National Language of this country. Tetapi di-dalam perbahathan ini, saya suka merujuk kepada perbahathan yang telah di-kemukakan oleh wakil Bandar Melaka di-muka 43. Perkataan beliau itu ada sedikit sa-banyak hendak tukarkan Pindaan Perlembagaan. Kita ini ada juga Pindaan. Kita chuba hendak menerangkan di-Parlimen ini, tetapi pihak beliau ini hendak memindahkan Perlembagaan dengan tidak chuba hendak menukarkan Perlembagaan dengan kata beliau supaya menarekan semua orang yang mendengar yang berbunyi sa-demikan, Tuan Yang di-Pertua:

"It is from this interpretation that we had contended that the fact that the National Language, by virtue of its status, is bound to become the chief language of administration in this country need not, and should not, mean that the other major languages in the country, namely Chinese, Tamil and English, are not accorded even a subsidiary official status and use in this country."

Yang saya maksudkan subsidiary official status, dia hendakkan juga jadi official status—bahasa yang bukan Bahasa Kebangsaan, itu berlawanan sangat-lah dengan Perlembagaan yang telah terchatet di-terang-

kan ia-itu National Language ada-lah bahasa Melayu yang kita faham pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka memanjangkan ucapan saya demi saya merayu kepada parti² Pembangkang, Ahli² Pembangkang yang mana belum lagi menyokong, parti DAP dan PPP belum lagi menyokong, merayu supaya untuk kepentingan negara, yang mana saya telah jelaskan, baik-lah kita 100%—unanimously menyokong di-atas Perlembagaan ini. Kita terdengar yang mana telah di-katakan daripada pihak sana. Saya terdengar kalau tidak salah wakil daripada Seratok (Sarawak). Saya ingat dia tidak menyokong, akhir²-nya dia menyokong. Saya harap pihak Pembangkang pun bagitu-lah juga. Yang lain itu belum berchakap dan menyokong. Kita sedia menerima apa² tauladan yang baik.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang peristiwa telah berlaku juga di-dalam Dewan ini, di-dalam Parlimen ini, yang mana untuk kepentingan satu² pihak yang tertentu saperti parti siasah, maka satu demokrasi yang telah di-chatetkan chara barat telah dihapuskan, di-tolakkan ka-belakang. Saperti saya maksudkan, Dato' Yang di-Pertua, freedom of movement, orang semua boleh buat, orang semua boleh hendak pergi dimana termasuk-lah kalau hendak menari pun tidak ada sekatan. Tetapi untuk kepentingan image satu² parti ini, maka terpaksa-lah, tersekat-lah siapa² yang hendak buat perkara itu—itu freedom of movement, freedom of speech, yang terjamin di-dalam satu negara yang berprinsip demokrasi. Tidak boleh di-da'awa kerana berlaku di-dalam Parlimen, Dato' Yang di-Pertua, tetapi tindakan diambil, kalau dalam Parlimen tidak boleh di-da'awa, maseh lagi undang². Perkara 63 dan 72 tidak lagi di-mansokhkan.

Itu-lah sahaja saya merayu kepada pihak Pembangkang untuk menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' yang telah mengizinkan saya membuat ucapan, barangkali masa-nya ada lebeh kurang sa-tengah jam sahaja lagi akan tetapi saya memberi jaminan kepada Dato' ia-itu ucapan saya akan mengambil masa yang pendek sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah membayangkan kebimbangan-nya jikalau Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini dikuatkuasakan. Kata-nya racial polarisation akan merebak mendatangi akibat² yang burok, sa-balek-nya pada pendapat saya pindaan ini akan membawa stabiliti dan harmoni didalam negara kita, melainkan kapada anasir² yang tidak bertanggung-jawab dan yang tidak mahu kapada keharmonian itu. Saya tidak nampak bagaimana atau kerana apa Ahli Yang Berhormat itu menentang pindaan ini, kerana yang menggubalkan rang pindaan ini bukan-lah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-orang sahaja, akan tetapi dibinangi dan di-bantu oleh Yang Amat Berhormat Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan, juga di-nasihati oleh Majlis National Consultative Council yang ada didalam-nya parti² politik yang lain² melainkan DAP sahaja dan juga anggota²-nya ia-lah terdiri daripada bermacam² kaum bukan-lah Melayu sahaja, ia-itu orang China, India pun ada sa-bagai penasihat. Jikalau sa-kiranya pindaan ini akan menjadi mudarat kapada negeri dan sa-siapa pun, maka tentu-lah penasihat² yang di-sebut itu akan menentang pindaan itu dan tidak boleh dibentangkan-nya, akan tetapi sa-lepas di-kaji dengan teliti-nya mereka itu berpendapat bahawa pindaan itu sa-balek-nya akan menjamin keselamatan dan keadilan serta akan membawa keharmonian kesemua penduduk² Malaysia ini. Maka dengan sebab itu mereka telah menasihatkan kapada Kabinet Kerajaan Malaysia supaya pindaan ini di-chadangkan di-dalam Parlimen ini.

Jadi, Ahli² Yang Berhormat khas-nya pehak Pembangkang tidak ada sebab lagi bagi kita hendak bimbang apabila pindaan ini akhir-nya di-kuatkuasakan. Sa-bagai sa-orang warganegara yang ta'at setia, saya tidak ingin melihat peristiwa 13 Mei itu menchetus sa-mula, jauh sa-kali champor tangan di-dalam-nya.

Perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, harus terjadi jikalau kita maseh amalkan demokrasi yang kita tiru² daripada lain² negeri yang keadaan-nya berlainan daripada negeri kita. Untuk kepentingan kita sendiri kita mesti-lah berani mengubah chorak demokrasi supaya sesuai dengan keadaan di-dalam negeri kita. Sa-tahu saya tidak ada satu negeri yang akan di-hina sa-mata² kerana chorak Kerajaan-nya. Sa-lagi negeri itu stabil

ra'ayat-nya aman dan ma'amor sa-lagi itu-lah negeri itu akan di-sanjong tinggi dan dimuliakan oleh negeri² yang lain.

Demokrasi penoh atau tidak penoh tidak menjadi hal sa-balek-nya pula negeri yang menerima sa-ratus peratus demokrasi dari Britain, atau Amerika, akan tetapi Kerajaan-nya lemah dan ra'ayat-nya berpechah-belah dan miskin negeri itu akan di-pandang hina oleh negeri² yang lain. Maka dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya harap Ahli² Yang Berhormat sakalian buat kali ini akan lupa sentimen parti dan kaum dan beri sokongan yang penoh kapada Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang bersimpati dengan orang² Melayu dan menyeru Kerajaan membekalkan buku² teks dan buku² rampaian—exercise book, dan juga kasut² sepatu kapada murid² Melayu yang miskin. Suka saya mema'alumkan kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan sudah beberapa tahun yang lampau membekalkan buku² teks dan buku² rampaian ini kapada murid² yang tersebut. Jadi ta' payah-lah Ahli Yang Berhormat itu membuat seruan, itu sudah terlewat, akan tetapi kasut² atau sepatu² belum lagi di-berikan oleh Kerajaan kapada murid² ini. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu jujur dengan simpati-nya, maka di-sini-lah peluang untuk menunjukkan kejujoran-nya dengan menyampaikan kasut² itu sendiri kapada murid² itu kerana kita semua tahu Ahli Yang Berhormat itu sekarang dengan kemudahan² yang di-beri oleh Kerajaan Perikatan telah menjadi sa-orang millionaire maka menghadiahkan 10 ribu 20 ribu pasang kasut kapada anak² Melayu yang miskin itu, saya fikir tidak akan menjadi kesusahan kapada Ahli Yang Berhormat itu.

Lagi satu seruan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu yang berbunyi: Kerajaan patut-lah membena Junior Colleges untuk anak² Melayu di-rural areas saperti Kota Bharu, Trengganu dan Sarawak.

Seruan ini pun telah terlewat, kerana apa yang di-katakan Junior Colleges itu telah pun bergerak maju di-Kota Bharu, Alor Star, Ipoh, Johor Bahru dan lain² bandar lagi yang di-katakan luar bandar. Jadi untuk menchari nama dengan seruan² ini, saya fikir

Ahli Yang Berhormat itu telah gagal, kalau hendak chari nama juga sokong-lah sahaja Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini. Saya juga menguchapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun (Trengganu), yang telah berkata untuk menchapai Malaysian Nationalism dan perpaduan di-antara kaum patut-lah di-Islamkan orang² yang bukan Islam. Pada pendapat saya, ini sangat baik. Dan saya tahu banyak-lah orang² yang bukan Islam telah memelok agama Islam di-masa lima atau enam tahun yang lampau ini. Akan tetapi bilangan-nya di-Kelantan sedikit sangat. Walhal keadaan di-Kelantan tersangat-lah subur untuk lapangan ini.

Dato' Yang di-Pertua, di-Kelantan Mubaligh² PAS banyak orang China yang sudah empat atau lima keturunan duduk di-tebing sungai Kelantan berchampur gaul dengan orang² Melayu pun banyak. Mereka ini hidup lebih kurang sa-rupa sahaja dengan orang² Melayu. Berchuchok tanam, memelihara ayam-itek, dan lembu-kerbau, bertutor bahasa Melayu, bersekolah di-sekolah² Melayu dan kadang² di-kenalkan dengan nama Melayu, seperti Che Hasan, Che Ismail dan Che Dollah, dan lain² lagi. Sa-hingga sa-tengah²-nya boleh membacha Hadith dan Qur'an, sayang sedikit mereka ini bukan Islam. Akan tetapi ini bukan salah mereka, orang² Islam-lah yang bersalah, yang bertanggung-jawab mengislamkan mereka itu, khas-nya Mubaligh² PAS. Di-sini-lah Mubaligh² PAS boleh membuat jasa kepada negara, bukan sahaja untuk menyebarkan propaganda² parti-nya sahaja, ingat-lah Pepatah Melayu: "Perahu ada, dayong pun ada, dayong-lah!"

Terima kasih dan saya menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi ucapan saya dalam Bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, after 22 months of suspension, strain, stress and trial, we have returned to the system of Parliamentary democracy. Now, it is the fundamental duty of not only the Honourable Members of this august House but of every citizen to love and cherish this Parliamentary rule.

The Bill in question, Mr Speaker, Sir, has the greatest significance for the future well-being of Malaysia and its multi-racial society. The future life-line to Parliamentary democracy hangs on this Bill. Our very survival and existence depends on this very Bill.

Mr Speaker, Sir, speaking in favour of this Constitution (Amendment) Bill, I am convinced that these amendments and entrenchments to certain parts of the Constitution are extremely necessary in the present and momentous period of our young nation. It is our obligation to constantly remind us that what had happened immediately after the last General Election should not recur and it is the sacred duty of the Government to take every necessary and precautionary measures, including the amendments and entrenchments to the Constitution, if we are to continue to be a free independent and sovereign country. What is required today is a firm and realistic policy for the future well-being of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, we have heard the Honourable Member for Bandar Melaka and the Honourable Member for Bungsar earlier in this House. Both these Honourable Members have condemned and challenged the Constitution (Amendment) Bill. This was the same manner and attitude of the D.A.P. before and after May 13, 1969 and this is the same attitude even today (*Tepok*). Although parliamentary rule was suspended for 22 months, Emergency Regulations were proclaimed and peace, goodwill and racial harmony was shattered amongst the various races, and the political situation has tremendously changed, but I am very surprised indeed that the attitude of D.A.P. is just the same. I warn this House and the Government that the D.A.P. will continue with this same policy and attitude until they permanently break apart the various races and ultimately destroy the whole country. The Government should introduce tougher laws to deal with this sort of political parties. I seriously blame the Government for not having taken tougher and deterrent measures earlier immediately after the attainment of independence. Although the Government was so soft and flexible, yet it was termed as a dictatorial Government. A dictator normally carries a gun in one hand and a hand-cuff in another. If this had been the case in Malaysia, Mr Speaker, Sir, I believe nobody would have dared to call it a dictatorial Government.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Bandar Melaka said in this House on 23rd February, 1971, that the D.A.P. had always unconditionally accepted Malay as the National Language, but he went on to say that his party opposed to the use of the National Language as an instrument for the eventual annihilation of other languages and cultures in Malaysia. Mr Speaker, Sir, I say this will only happen when the D.A.P. comes to power and for this reason the D.A.P. will never come to power (*Ketawa*). Although Bahasa Kebangsaan has become the sole official language of Malaysia, but the Members of this House will agree with me if I say that the English language continues to enjoy the same prestige and image as it was during the colonial period. I have not come across any curbing or restrictions on the use of Chinese or Tamil languages except that no other languages could be used for official purpose other than the Malay language. What is wrong in this? In the same way the legitimate rights and interests of other communities are protected and guaranteed in the Constitution as it protects and guarantees the Malay rights and privileges.

Mr Speaker, Sir, I am not elected to this House to represent only the Indian community. I have been elected to represent the wishes and rights of every community in my constituency. Let us be realistic, practical, objective and fair. Let us be reasonable. Let us be honest and sincere to our Malay brothers and sisters. There is nothing wrong if I say that this country's business, commerce and industry are in the hands of the non-Malays and that the Malays are from sky to earth backward in these fields. With this wide gap, how are we going to attain complete racial unity and harmony? Do not the Malays have any rights and privileges to enjoy the fruits of their motherland, except the non-Malays? It is not only the responsibility of the Government to help the Malays to uplift in the economic and social standard of their progress in the country, but it is also the responsibility of the non-Malays to teach and help and share their experience. Economic imbalance will remain as the major obstacle in this country unless and until the non-Malays realise that this is a fact and that the Malays should be given every assistance and help to advance in their lives. To this end, I say the Constitution (Amendment) Bill will serve as a life-line to the various races in this country.

Mr Speaker, Sir, taking this opportunity, I would like to say to the various Opposition parties, do not accept the arrogant attitude of the D.A.P.; the others support the Constitution (Amendment) Bill. They have supported this Bill and they have shown their responsibilities, loyalty and affection not only to the country, but to the voters as well. To this end, Mr Speaker, Sir, I support this Bill. (*Tepok*).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):

Dato' Yang di-Pertua, di-dalam menyokong dengan sa-penoh²-nya Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini saya ingin menyatakan di-sini bahawa ra'ayat jelata telah lama menunggu akan ada-nya Undang² yang serupa ini. Ini ia-lah kerana sejak kita merdeka dahulu berbagai masaalah telah timbul, berbagai perkara telah di-hadapkan kepada ra'ayat di-mana perkara² tersebut telah menimbulkan keraguan di-kalangan mereka yang mereka sendiri tidak dapat menchari jalan untuk mengatasi-nya. Oleh kerana itu Akta (Pindaan) Perlembagaan ini boleh-lah di-anggap sa-bagai jawapan yang paling tepat sa-kali bagi mengatasi masaalah dan menghilangkan serba keraguan yang timbul di-kalangan ra'ayat kita sa-lama ini. Dengan lulus-nya Rang Undang² ini nanti kita akan dapat membuka jalan yang baharu bagi kita semua untuk lalu dan akan memberi pengharapan yang lebeh berkesan lagi kepada tiap sa-orang daripada kita untuk hidup dengan lebeh bahagia dan lebeh ma'amor di-dalam negara yang kita chinta'i ini.

Dalam masa 14 tahun kita menikmati kemerdekaan, banyak perkara telah berlaku di-dalam berbagai bidang penghidupan di-negara kita, terutama dalam segi siasah. Perkembangan siasah di-negara kita telah berjalan dengan sangat pesat-nya dalam masa yang begitu singkat, terutama siasah yang mengutamakan perkauman. Pada hal kemampuan ra'ayat yang berbilang bangsa untuk memainkan peranan politik yang sehat lagi bertanggung-jawab belum lagi berkembang dengan sa-bagitu sehat di-sebabkan berbagai perkara terutama dari segi pendidekan. Dengan hal demikian berbagai gejala yang tidak sehat telah timbul di-kalangan masha-rakat kita. Berbagai² tandatnya dan kekechewaan wujud di-sana sini. Perasaan chemburu dan shakwasangka di-antara satu sama lain meningkat dari sa-hari ka-sahari. Dengan demikian ra'ayat kita dari sa-hari

ka-sahari makin terpisah di-antara satu sama lain sa-hingga sampai kapada peringkat² yang sangat membimbangkan. Pendek-nya keutuhan dan keselamatan negara mula terancam dan ra'ayat bertanya² ka-mana-kah mereka akan di-bawa.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan berpolitik yang di-berikan kapada kita semua nampak-nya telah di-salah artikan oleh berbagai pehak yang berjuang semata² untuk kepentingan diri masing² dan untuk memuaskan nafsu masing². Dari sebab itu timbul-lah berbagai parti politik di-negara kita, terutama parti² politik yang mengutamakan perkauman. Malaysia ada-lah sa-buah negara yang kecil lagi muda jika di-bandingkan dengan negara² yang lain. Sa-bagai sa-buah negara yang muda lagi mempunyai jumlah penduduk yang agak kecil jika di-bandingkan dengan negara² yang lain, maka ada-lah tidak wajar bagi Malaysia mempunyai parti² politik yang sa-bagitu banyak jumlah-nya, kerana sa-lagi kegiatan berpolitik yang bebas ini tidak dapat di-kawal dan jumlah parti² politik terutama-nya parti² politik yang mengutamakan perkauman yang ada dalam negara ini tidak di-kurangkan, maka sa-lama itu-lah ra'ayat akan terus berpisah dan masalah² yang berhubung dengan kepentingan negara dan bangsa tidak akan dapat kita selesaikan.

Saya mengatakan di-sini bahawa politik perkauman dan sectional politics tidak akan mempunyai tempat di-masa depan di-dalam negara kita. Sa-lagi pemimpin² politik tidak menyedari dan menerima hakikat ini, maka akan segera-lah pemimpin² tersebut dan parti² mereka tenggelam di-dalam harus dan gelombang yang akan bermula daripada hari ini.

Saya sangat² tertarik hati di-atas sikap beberapa buah parti Pembangkang, terutama PAS, Gerakan dan SNAP yang telah menunjukkan sikap-nya di-dalam hal Akta (Pindaan) Perlembagaan ini. Perubahan sikap ini ada-lah satu sikap yang sangat² menguntungkan negara kita kerana di-dalam kita berusaha menyelesaikan berbagai masalah yang kita hadapi ini kita terpaksa pada setiap masa mengutamakan kepentingan negara. Dengan perubahan sikap ini, maka saya rasa masa depan negara kita akan lebih terjamin lagi.

Saya menguchapkan shabas kapada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong di-atas sikap beliau dan parti-nya yang tegas mengenai

pindaan Perlembagaan ini terutama-nya hasrat beliau dan parti-nya untuk terus menegaskan kedaulatan dan kemerdekaan negara serta niat-nya untuk bersama² berusaha menghancurkan musuh² kaum yang bertujuan untuk menghancurkan negara dan bangsa.

Jika parti² Pembangkang sa-bagaimana Gerakan dan juga parti² lain telah dapat menunjukkan kemuliaan-nya di-dalam mengutamakan kepentingan negara terutama di-dalam menghadapi musuh² yang sama, saya rasa ada-lah baik bagi parti² tersebut membubarkan parti-nya itu untuk mengelakkan pergiseran yang tidak perlu di-antara kita semua bagi mencapai satu persatuan yang kuat lagi tegoh untuk menghadapi musuh yang sama ini. Musoh² perkauman di-negara kita ini terutama pehak² D.A.P. dan P.P.P. mesti di-hancurkan dan kita hilangkan mereka daripada bumi Malaysia ini. Mereka ini mesti kita ganyang sa-lumat²-nya dan kalau boleh kita jadikan mereka debu² supaya tidak dapat mengganggu kita lagi. Biar-lah debu² ini berterbangan dan jatuh di-tempat² lain yang sesuai untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu kemerdekaan negara telah menimbulkan dua golongan ra'ayat yang berbeza di-antara satu sama lain. Yang satu ia-lah golongan yang chintakan kemerdekaan ia-itu yang terdiri daripada mereka yang mengambil peranan dan terlibat chara langsung dengan perjuangan kemerdekaan. Mereka ini telah mengerti akan hakikat kemerdekaan dan akan terus berjuang untuk mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Mereka ini juga ada-lah merupakan golongan yang telah pun matang dalam fikiran dan jiwa mereka dan telah dapat mengutamakan kepentingan negara pada keseluruhannya.

Golongan yang kedua ada-lah mereka yang boleh kita sebut sa-bagai yang selalu mempersendakan kemerdekaan kerana mereka ini tidak terlibat sama sa-kali dengan perjuangan kemerdekaan dan tidak pula mengerti akan hakikat kemerdekaan itu. Bagi mereka kemerdekaan bererti kebebasan—kebebasan untuk berbuat apa² sahaja yang mereka suka walau pun perkara tersebut bertentangan dengan chita² dan hasrat ra'ayat keseluruhannya. Mereka lupa bahawa asas negara bukan-lah kebebasan, tetapi Perlembagaan yang telah sama² kita bentok dan

kita terima sa-bagai panduan hidup bernegara. Di-sebabkan mereka ini ashek berenang² dengan kebebasan yang ada pada mereka itu, maka mereka telah lupa akan Perlembagaan. Mereka telah lupa akan tanggung-jawab mereka kepada negara dan bangsa. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa kebebasan tidak bererti maharajalela, tetapi kebebasan ada-lah satu rukun yang ada batas²-nya dan sa-lagi batas² ini tidak di-akuī dan tidak di-hargaī, maka sa-lama itu-lah konsep bernegara dan berbangsa tidak akan wujud. Saya berasa sunggoh² dukachita bahawa kitab suchi Perlembagaan kita serta kandungan-nya yang telah sama² kita terima itu pada awal² lagi dengan saksama telah di-persoalkan dan di-nodaī dari sa-masa ka-samasa. Segala kechaman dan persoalan yang di-timbulkan mengenai kitab suchi ini telah mengujudkan keraguan dan rasa tidak hormat terhadap Perlembagaan. Ini ia-lah kerana ada-nya kebebasan berchakap yang membahayakan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sendiri Pindaan Perlembagaan ini ada-lah penting atau besar erti-nya, kerana dengan ada-nya pindaan ini sa-tidak²-nya akan menimbulkan kesedaran kepada ra'ayat akan penting-nya bagi mereka itu memahami dan menghormati Perlembagaan negara. Sa-lama ini boleh kita katakan bahawa tidak ada banyak orang yang menghormati dan memahami Perlembagaan negara, terutama daripada pehak muda-mudi yang tergulung di-dalam gulungan yang terbesar sa-kali daripada penduduk² di-negara kita.

Perkara ini ada-lah satu perkara yang sangat *serious*; kalau tidak di-atasi dengan sa-berapa segera akan menimbulkan gejala² yang lebeh tidak sehat lagi pada masa² yang akan datang. Dengan hal yang demikian, saya sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pehak Kerajaan yang telah mengemukakan Akta (Pindaan) Perlembagaan yang amat penting ini pada sa'at dan ketika ra'ayat memerlukan tindakan yang sa-demikian.

Dalam hubungan ini pun saya ingin menegaskan bahawa Pindaan ini bukan sahaja berhubung dengan orang² Melayu bahkan meliputi semua ra'ayat yang meng-akuī Malaysia ini sa-bagai tanah ayer mereka.

Mengenai soal bahasa, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati banyak juga terdapat keadaan yang tidak wajar. Walau pun kita

telah menetapkan Bahasa Malaysia sa-bagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan di-negara kita maseh ada lagi pehak² yang menchuba menjadikan bahasa² yang lain sa-bagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan negara kita.

Kita telah memperkatakan beberapa kali dan kita telah menyakinkan pada ra'ayat bahawa dengan terpilih-nya Bahasa Malaysia sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan Rasmi di-negara kita, kita tidak akan menafikan perkembangan dan penggunaan bahasa² yang lain di-negara kita sa-bagai kegunaan mereka yang menggunakan-nya. Akan tetapi, kita mesti ingat bahawa kita ada-lah terdiri daripada berbagai bangsa dan masaalah menyatupadukan bangsa² ini ada-lah menjadi tugas utama kita. Kalau kita sudah perchaya bahawa penyatuan bangsa ini hanya boleh terchapai melalui Bahasa Malaysia, maka kita tidak boleh lari daripada hakikat ini dan kita mempunyai tanggung-jawab untuk melaksanakan dengan sa-penoh-nya hasrat ini. Sa-lagi kita mempunyai minat untuk menimbulkan perkara bahasa² yang lain terutama dalam usaha menegakkan multilingualism, maka sa-lama itu-lah kita akan memechah-belahkan ra'ayat kita dan matlamat penyatuan bangsa tidak akan terchapai.

Dalam hubungan ini saya merayu kepada pehak Kerajaan supaya pada sa-tiap masa jangan teragak² di-dalam melaksanakan saterus-nya dasar Malaysia ini malahan hendak-lah lebeh tegas lagi daripada masa² yang lalu dalam semua perengkat lapangan dan jurusan. Melalui bahasa ini-lah kita akan dapat membentuk bangsa dan membena keperibadian kebangsaan.

Satu perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, yang nyata sa-kali daripada hasil kemerdekaan negara ia-lah terdapat-nya dua gulungan masharakat yang jauh beza-nya antara satu sama lain ia-itu antara gulungan yang berada dengan yang tidak berada, dan yang paling mendukachitakan sa-kali sabagaimana yang ternyata di-seluruh negara kita ini bahawa yang kaya itu ada-lah terdiri daripada ra'ayat yang bukan Melayu, dan yang miskin ia-lah ra'ayat yang berketurunan Melayu. Dengan ada-nya hal yang sa-rupa ini, maka timbul pertanyaan daripada ra'ayat apa-kah kemerdekaan kita ini hanya untuk bukan Melayu sahaja, atau ada-kah ra'ayat Melayu ini memang sudah takdir mereka itu sa-demikian nasib-nya. Apa-kah pula ra'ayat

Melayu memang tidak mempunyai kesanggupan berusaha bagi mencapai taraf hidup yang lebih sempurna daripada keadaan mereka itu sa-belum merdeka dahulu. Walau pun usaha² Kerajaan untuk mengimbangi kedudukan ini telah pun berjalan, akan tetapi oleh kerana sistem yang ada di-negara kita demikian rupa-nya dan lebih² lagi sikap daripada mereka yang berada itu tidak berubah, malahan mereka pada sa-tiap masa berusaha pula untuk memisahkan diri lebih jauh lagi daripada yang ada sekarang ini, maka sa-lama itu-lah masalah kemiskinan ini tidak akan dapat kita atasi.

Saya tidak bertujuan untuk menyebut bahawa Kerajaan dan pihak yang berada itu telah tidak bersikap adil, tetapi yang lebih mustahak lagi ia-lah masalah kejujoran terutama kejujoran daripada pihak yang berada ini untuk membantu mereka yang tidak berada. Tetapi pihak yang tidak berada telah mengikuti telatah² pihak yang berada ini dengan penuh minat lagi jujur. Akan tetapi kejujoran yang ada pada mereka itu ada batas²-nya. Jika kesabaran dan kejujoran mereka itu tidak akan dapat di-kawal lagi, maka saya khawatir akan timbul-lah suatu pergiseran yang sukar untuk kita mengatasi-nya di-antara kedua² pihak tersebut. Pindaan Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah bertujuan untuk mengelakkan supaya berlaku-nya perkara yang sa-demikian dan jika kita benar² ingin mengelakkan berlaku-nya perkara ini, maka baik

dari pihak Kerajaan mahu pun daripada pihak yang berada saya harapkan akan dapat melaksanakan segala ketetapan² yang akan kita luluskan nanti dengan penuh kejujoran dan saksama.

Akhir sa-kali saya ingin menyebutkan di-sini bahawa negara kita ada-lah negara undang². Akan tetapi salah satu gejala yang besar yang timbul pada masa² yang lalu ia-lah kerana ada-nya sikap daripada ra'ayat kita yang tidak mahu menghormati undang².

Untuk mengelakkan supaya keadaan yang sa-demikian terus menerus berlaku saya merayu kepada pihak Menteri Dalam Negeri supaya dapat memperbaiki lagi image Pasokan Polis kita supaya dengan ada-nya image yang lebih tinggi ini ra'ayat akan dapat menghormati Pasokan Polis kita dengan lebih baik lagi dan akan dapat pula mematuhi segala Undang² yang telah pun kita tetapkan. Sa-lagi ra'ayat tidak mahu memahami Undang² yang memang telah di-tetapkan kepada mereka itu, maka sa-lama itu-lah kita tidak akan dapat keamanan yang sa-tinggi²-nya sa-bagaimana yang kita harapkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini ditangguhkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tangguhkan pada pukul 6.30 malam.